

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

HAMIDAH BT MOHD SAMAN @ HJ MOHAMED

KETUA UNIT KUALITI :

MAZIDAH BINTI MUKRI

PENYELARAS :

PENULIS :

1. ADIZA BINTI JAMADIN
2. FAUZI BIN BAHARUDIN
3. NURBAIAH BINTI MOHAMMAD NOH
4. MAZLINA BINTI MOHAMAD
5. ROZAINA BINTI ISMAIL
6. NORASHIKIN BINTI AHMAD KAMAL
7. MOHD HISBANY BIN MOHD HASHIM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi merealisasikan visi dan misi UiTM untuk menjadi sebuah universiti unggul bertaraf dunia, FKA dibawah kepimpinan **Dekan sebagai 'Ketua Eksekutif'** dengan sokongan **tiga (3) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Timbalan Dekan Penyelidikan** sentiasa mengamalkan konsep pengurusan yang **dinamik dan sistematik**. Kepimpinan kanan ini dimantapkan lagi dengan lantikan **lima (5) orang Ketua Pusat Pengajian, seorang (1) ketua unit Jaringan Industri, seorang (1) Ketua Unit Pengurusan Kualiti, empat (4) orang Koodinator Program, dan seorang (1) Pengurus Makmal dan Kemudahan Penyelidikan** Tadbir urus bahagian pentadbiran pula dikawalselia oleh **seorang (1) Timbalan Pendaftar dan dua (2) orang Penolong Pendaftar** bagi membantu pengurusan kanan merangka strategi mencapai kesarjanaan dan kecemerlangan akademik. Hasil gandingan kerjasama dan sokongan padu daripada warga fakulti, FKA berjaya mendapat **pengiktirafan akreditasi penuh untuk tempoh enam (6) tahun tanpa interim dari EAC** Lembaga Jurutera Malaysia, bagi program akademik utama. Ianya merupakan satu pencapaian yang sukar dapat diraih oleh mana-mana program akademik kejuruteraan di Malaysia. Disamping itu, FKA juga telah mencapai kejayaan membanggakan dengan memperolehi taraf **5 bintang bagi skor MYRA pada tahun 2019 dan taraf 4 bintang pada tahun 2020**. Selain itu, Fakulti Kejuruteraan Awam turut mencapai **penarafan 6 bintang UiTM 2025 bagi pencapaian tahun 2020**. Kesemua pengiktirafan dan kejayaan FKA ini membuktikan **kekuatan struktur governan akademik, ketampakan staf akademik** di peringkat nasional dan antarabangsa, **pelajar yang berinovasi** dan graduan yang kompetitif.

Bagi penyediaan laporan AKNC 2021, FKA telah memilih **Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)** sebagai bidang tumpuan dengan penekanan khusus dalam **Pengiktirafan EAC, Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar sebagai pengukuran kekuatan**. Pemilihan ini bertepatan dengan kecemerlangan FKA dalam pengiktirafan akreditasi program ijazah kejuruteraan serta pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh para pelajar dan graduan FKA. Bagi usaha mencapai semua kejayaan ini, FKA telah merangka strategi-strategi bagi memastikan kesinambungan kejayaan ini akan berterusan dan lebih cemerlang pada masa akan datang. Strategi-strategi ini adalah dirangka berdasarkan kepada **Pelan Strategik UiTM 2020 sejajar dengan Rancangan Malaysia ke 11 (2016-2020)**. Perancangan strategik fakulti yang dirangka telah menggariskan inisiatif-inisiatif utama bagi **menggerakkan agenda utama fakulti** dan universiti kearah pencapaian yang cemerlang dan **dipantau oleh jawatankuasa berkaitan** bagi memastikan kesemua inisiatif tersebut berjalan dengan lancar. Isu-isu berkaitan sumber manusia, infrastruktur dan sistem pengurusan kualiti dibincang bagi proses penambahbaikan di dalam **Mesyuarat Koordinasi Pengurusan** setiap minggu. Antara jawatankuasa yang memainkan peranan yang amat penting bagi pemantauan dan penambahbaikan terhadap pencapaian bidang tumpuan adalah **Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Kelulusan Akreditasi-EAC/OBE, Jawatankuasa Jaringan Industri dan Penyelidikan serta Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar**. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang beragenda mengikut **keperluan ISO 9001** pula diadakan setiap enam (6) bulan sekali sebagai wadah perbincangan untuk pencapaian objektif kualiti FKA. MKSP ini penting untuk memastikan keberkesanan tindakan yang dilaksanakan oleh setiap jawatankuasa di FKA. MKSP juga berfungsi untuk membantu jawatankuasa bagi melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi inisiatif atau aktiviti yang tidak mencapai tahap seperti yang dikehendaki. Selaras dengan itu, **tindakan penambahbaikan berterusan** yang dilaksanakan ini telah sewajarnya membawa kepada kejayaan yang membanggakan bagi warga FKA di dalam bidang tumpuan iaitu Pengajaran dan Pembelajaran bagi tahun 2019 dan 2020.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan kanan FKA telah merangka pelbagai strategi untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan oleh Universiti (**BUKTI 1: FALSAFAH, VISI DAN MISI UiTM**). Perancangan ini diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) bagi memastikan hala tuju yang jelas dan memenuhi keperluan pendidikan semasa. Bagi mencapai matlamat ini, perancangan strategik FKA telah dirangka **hasil perbincangan bersama wakil-wakil staf akademik dan juga staf pentadbiran (BUKTI 2: ORGANISASI FKA)**. Ini bagi memastikan perancangan yang sistematik dapat dihasilkan berdasarkan perkongsian pengetahuan daripada keseluruhan warga FKA. Pelan tindakan ini menjadi rujukan utama dalam menentukan gerak kerja di FKA dan selaraskan seiring dengan kehendak UiTM. Perancangan juga menekankan elemen inovasi bagi memastikan hasil yang diperolehi bukan sahaja memenuhi keperluan semasa bahkan ketetapan yang akan datang. Antara pendekatan berinovasi ialah penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), pengenalan Program Penyerlahan & Ketampakan (SPARK) dan pelaksanaan Conceive, Design, Implementation and Design (CDIO) sebagai salah satu kerangka pendidikan bagi menghasilkan generasi jurutera yang kompeten.

Jawatankuasa Penyelidikan dan Jaringan Industri adalah diketuai oleh seorang Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan perincian untuk jawatankuasa ini telah diperincikan di bahagian Profil Jabatan. Setiap ahli didalam jawatankuasa PJI mempunyai tugas-tugas yang telah dinyatakan dengan jelas didalam **TOR bersama-sama dengan surat lantikan (BUKTI 3: CARTA ORGANISASI & KEPIMPINAN JAWATANKUASA PJI: SURAT LANTIKAN KOORDINATOR PENYELIDIKAN & SENARAI TUGAS LANTIKAN)**. Berdasarkan kepada keutamaan P&P; pencapaian untuk pelajar adalah merangkumi penglibatan pelajar didalam aktiviti bersama industri, masyarakat, antarabangsa dan juga inovasi. Hasil pencapaian pelajar ini adalah berdasarkan daripada kerjasama melalui 3 Portfolio utama di FKA iaitu dibawah **Jawatankuasa PJI dan ICAEN, Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik (HEA)**. Carta organisasi bagi HEP adalah ditunjukkan seperti didalam (**BUKTI 4: CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA & KEPIMPINAN HEP**) dimana jawatankuasa HEP akan membantu dari segi pengurusan pelajar serta perkara-perkara berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan pelajar dari segi bantuan kewangan atau khidmat nasihat. Manakala Jawatankuasa HEA pula akan membantu dari segi pengenalpastian pelajar yang berpotensi untuk menghadiri program pertukaran pelajar (Inbound/Outbound) dan menggalakkan proses pemindahan ilmu kepada masyarakat atau industri melalui penilaian kurikulum baru atau sedia ada. Perincian carta organisasi bagi Jawatankuasa HEA telah diterangkan secara terperinci didalam bahagian Profil Jabatan.

Untuk memastikan kesemua program pengajaran dan pembelajaran pada peringkat siswazah dan pascasiswazah di FKA mendapat pengiktirafan pensijilan, satu **jabatankuasa kelulusan dan akreditasi di FKA telah diwujudkan**. Antara tanggungjawab bagi jawatankuasa ini adalah untuk memastikan pencapaian akreditasi penuh bagi program EC 220. Perincian ahli jawatankuasa ini, TOR dan tanggungjawab berkaitan jawatankuasa ini adalah diperincikan di dalam (**BUKTI 5 : KEPIMPINAN MELALUI ORGANISASI (EAC/OBE)**)

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 FALSAFAH VISI MISI FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 ORGANISASI FKA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 KEPIMPINAN MELALUI ORGANISASI FKA.pdf](#)
4. [BUKTI 4 KEPIMPINAN MELALUI HEP.pdf](#)
5. [BUKTI 5 KEPIMPINAN MELALUI ORGANISASI EAC.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan Fakulti Kejuruteraan Awam telah merangka Objektif Kualiti selari dengan Objektif Kualiti Universiti (**BUKTI 1: PERINCIAN OBJEKTIF KUALITI DIDALAM MKSP**) dan Iniatif Perancangan Strategik yang dihuraikan dengan lebih terperinci di dalam Kriteria 2 dan Kriteria 4 yang berdasarkan kepada Perancangan Strategik UiTM 2016-2020. Dari masa ke semasa, terdapat banyak perubahan yang berlaku; maka perancangan strategik ini telah dikaji dan diubah mengikut kesesuaian bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Selaras dengan itu antara pendekatan yang digunakan adalah melalui i) Perancangan yang strategik dan sistematik; ii) Kolaborasi iii) Pembangunan Modal Insan dan iv) Komunikasi yang berkesan. Kesemua pendekatan yang digunakan ini telah membantu FKA untuk terus cemerlang didalam bidang tumpuan yang telah dipilih melalui kekuatan bidang tumpuan tersebut iaitu Akreditasi Program EAC, Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar. Melalui perancangan yang strategik dan sistematik, pengurusan dan pentadbiran fakulti sentiasa bertekad untuk memantapkan nilai organisasi, sentiasa memastikan setiap perancangan dibuat ke arah pencapaian visi dan misi. Antara tindakan yang telah dilaksanakan dan dihuraikan di dalam **BUKTI 2: PERANCANGAN STRATEGIK DAN SISTEMATIK. Kolaborasi yang mantap** adalah antara faktor utama yang membantu kepada pencapaian cemerlang di dalam bidang tumpuan P&P. Dalam memantapkan proses P&P supaya seiring dengan perkembangan era pendidikan global, pihak FKA telah **berkolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara**. Perincian berkaitan MoU dan MoA ini diterangkan dengan terperinci di dalam Kriteria 5. Antara contoh kolaborasi yang telah dijalankan adalah seperti pertukaran pelajar (*Student Exchange Program; Summer School*); pertukaran pensyarah sebagai salah satu iniatif untuk penampakan pensyarah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran; kolaborasi pensyarah bersama industri didalam pengajaran seperti jemputan wakil dari industri untuk sesi pengkongsian ilmu. **BUKTI 3: KOLABORASI YANG MANTAP** menunjukkan beberapa rajah yang berkaitan dengan kerjasama yang telah dilaksanakan. Kepimpinan FKA sentiasa menggalakkan **persekitaran organisasi bagi menghasilkan perlakuan mengikut perundangan dan beretika** sejajar dengan tanggungjawab utama penjawat awam. **Kepimpinan FKA menunjukkan komitmen yang tinggi dalam urusan pentadbiran** dan bertanggungjawab terhadap staf dan pelajarnya. Perincian berkaitan pembangunan modal insan ini diperincikan di dalam **BUKTI 4: PEMBANGUNAN MODAL INSAN** berkaitan dengan penyampaian maklumat – maklumat penting daripada pengurusan kepada warga FKA. Sebagai contoh; maklumat mengenai pencapaian objektif dimaklumkan kepada staf semasa mesyuarat fakulti, pengurusan dan mesyuarat bersama Penasihat Akademik Industri (IAP). Objektif kualiti juga diedarkan melalui Fail Meja, risalah atau penerbitan, buku panduan pelajar/pensyarah/staf pentadbiran dan sokongan, serta melalui notis papan kenyataan, dan juga dipamerkan di Pejabat Pentadbiran Fakulti serta sebagai dokumen dalam Manual Kualiti. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada iniatif yang diletakkan di dalam perancangan strategik dan dipantau oleh jawatankuasa berkaitan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan dan sasaran pencapaian yang diperturunkan oleh universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PERINCIAN OBJEKTIF KUALITI DIDALAM MKSP.pdf](#)
2. [BUKTI 2 \(PERANCANGAN STRATEGIK dan SISTEMATIK\).pdf](#)
3. [BUKTI 3 KOLABORASI YANG MANTAP.pdf](#)
4. [BUKTI 4 PEMBANGUNAN MODAL INSAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan FKA memfokuskan terhadap pencapaian objektif organisasi, menambahbaik pencapaian dan mencapai visi organisasi melalui perspektif sasaran prestasi pelajar, matlamat pelajar dan komuniti. Perkara ini dicapai dengan tindakan yang direalisasikan melalui tiga saluran iaitu staf, pelajar dan pihak berkepentingan. **Pemantauan berkala** telah dilaksanakan bagi memastikan **aktiviti atau projek yang telah dilaksanakan mencapai objektif yang dikehendaki dan sasaran** yang telah ditetapkan oleh Universiti. Seperti yang diterangkan pada bahagian sebelum ini, **iniatif yang telah dilaksanakan adalah dibawah tanggungjawab jawatankuasa aktiviti atau projek berkaitan**. Tanggungjawab dari segi pemantauan keberkesanan projek atau aktiviti adalah dibawah jawatankuasa masing-masing. Walaubagaimanapun **FKA mempunyai jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab memastikan kualiti P&P FKA berada dalam keadaan yang sistematik dan teratur**. Perincian kesemua tindakan yang dilaksanakan bagi setiap saluran adalah diterangkan di dalam **BUKTI 1: TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN**. Kepimpinan FKA juga turut bertanggungjawab melaksanakan **Audit Dalaman** bagi memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Antara contoh hasil dapatan audit dalaman FKA adalah ditunjukkan didalam **BUKTI 2: HASIL DAPATAN AUDIT**. Hasil dapatan audit yang telah dilaporkan akan diambil perhatian oleh Pengurusan FKA akan mengadakan satu mesyuarat bersama warga FKA **dibawah kendalian jawatankuasa audit** untuk pemakluman hasil dapatan daripada audit yang telah dibuat.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 HASIL DAPATAN AUDIT.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berlandaskan kepada perancangan yang sistematik dan pelaksanaan yang meluas, FKA sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian fakulti dengan pelbagai inisiatif dan inovasi terkini serta **meningkatkan tahap pengurusan risiko di kalangan warga FKA ke arah mengoptimalkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif dalam tindakan-tindakan seperti Tadbir Urus, Tingkahlaku Beretika dan Perundangan dan Tanggungjawab Masyarakat dan Sokongan Komuniti.**

a- Tadbir Urus

Kepimpinan FKA bertanggungjawab untuk **memastikan kebajikan pelajar sentiasa dijaga** selain mengalakkan amalan aktiviti-aktiviti sihat pelajar secara formal atau tidak formal dilakukan mengikut garis panduan universiti. **Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan TDHEP akan menyemak maklumat pelajar dan pihak berkepentingan dalam kitaran Laporan Penyiasatan/Tindakan, Pencegahan dan Pembetulan (PDCA) FKA secara berterusan** (sekiranya perlu). **BUKTI 1: JAWATANKUASA KESIHATAN, KESELAMATAN & PERSEKITARAN** menerangkan dengan lebih terperinci tadbir urus berkaitan di FKA.

b - Tingkahlaku Beretika dan Mengikut Perundangan

FKA mendokong tinggi amalan **Budaya Perdana** yang menjadi pegangan tampuk pimpinan universiti dalam memastikan amalan kerja yang **berintegriti, kreatif, inovatif dan produktif**. Etika amalan dinyatakan di dalam dasar lembaga, dasar fakulti dan buku panduan pelajar. Perincian berkaitan tingkahlaku beretika dan mengikut perundangan ini diterangkan di dalam **BUKTI 2: PENGURUSAN RISIKO ETIKA TINGKAHLAKU DAN PERUNDANGAN**

c - Tanggungjawab Masyarakat Dan Sokongan Komuniti

Tanggungjawab terhadap masyarakat dan sokongan komuniti adalah merangkumi tanggungjawab terhadap orang awam. Nilai teras FKA adalah berteraskan tanggungjawab terhadap orang awam dan bumiputera. Pemimpin Kanan FKA telah memulakan program dan latihan yang bermodelkan tanggungjawab dan keinginan awam untuk berkhidmat terhadap komuniti yang diberi perkhidmatan. FKA adalah t **ertakluk di bawah undang-undang, peraturan dan perundangan pusat (persekutuan), negeri dan tempatan** di mana semua proses perancangan dan membuat keputusan perlu dipatuhi dan dituruti. FKA telah mencatatkan **rekod pematuhan etika** yang boleh dibanggakan (tiada rekod kesalahan etika) berdasarkan kepatuhan yang tinggi terhadap garis panduan yang telah digariskan. Tiada sebarang isu ketidakpatuhan etika dalam sejarah pengendalian/pentadbiran/pengurusan FKA. Kepentingan keselamatan pelajar dan staf FKA dicerminkan dalam matlamat utama FKA ialah mencipta satu persekitaran yang penyayang, selamat, dan pembelajaran yang teratur. Perincian berkaitan tanggungjawab masyarakat dan sokongan komuniti diterangkan didalam **BUKTI 3: PENGURUSAN RISIKO TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT DAN KOMUNITI**

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 JAWATANKUASA KESIHATANKESELAMATAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENGURUSAN RISIKO ETIKA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PENGURUSAN RISIKO.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan FKA melaksanakan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) setiap 6 bulan sekali untuk memastikan keberkesanan tindakan yang dilaksanakan oleh setiap jawatankuasa di FKA (**BUKTI 1: MINIT MESYUARAT MKSP**). MKSP juga berfungsi untuk membantu jawatankuasa bagi **melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi inisiatif atau aktiviti yang tidak mencapai tahap seperti yang dikehendaki**. Mesyuarat yang diadakan selama 1 hari ini kebiasaanya akan **meneliti setiap tahap kemajuan** inisiatif yang telah dilaksanakan, **mencadangkan penambahbaikan** bagi inisiatif yang bermasalah dan **melihatsemula penambahbaikan** yang telah dilaksanakan melalui pengukuran tahap kemajuan setiap inisiatif (**BUKTI 2: CONTOH TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN**). Tindakan penambahbaikan ini dapat membantu jawatankuasa berkaitan untuk memantau setiap inisiatif yang telah atau sedang dilaksanakan oleh jawatankuasa berkaitan. Hasil dari kajian semula inisiatif dan tindakan penambahbaikan ini sememangnya membantu FKA untuk mencapai kecemerlangan di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
2. [BUKTI 2 CONTOH TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN \(MKSP\).pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan dibawah Portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri; Hal Ehwal Pelajar dan dan Penyelidikan telah melaksanakan inisiatif strategik seperti ASAH yang akan dibincangkan dengan terperinci di bawah Kriteria 2 dan Kriteria 4. Pada hari ini, senario pengajian tinggi global berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan globalisasi telah menghasilkan daya penggerak yang membentuk hala tuju baru pengajian tinggi dunia. Hala tuju ini juga melahirkan beberapa tren baru seperti globalisasi, mobiliti, kolaborasi dan evolusi dalam pembelajaran dan pengajaran serta penggunaan teknologi yang maksima. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa dinamik pengajian tinggi dan arus globalisasi ini akan berterusan. Ini bermakna, Fakulti Kejuruteraan Awam perlu memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap impak dinamik ini dalam merangka hala tuju strategik dan sistem masing-masing.

Kurikulum Fakulti Kejuruteraan Awam sentiasa ditambahbaik agar lebih berinovatif, dinamik, terkini dan sentiasa relevan dengan keperluan pasaran dan perkembangan ilmu semasa. Kemudahan sokongan dan komponen ekosistem lain seperti infrastruktur, pembelajaran dan pengajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta tenaga pengajar yang berilmu tinggi dan professional juga perlu diberi perhatian bagi memastikan proses pembelajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan. Pendekatan yang telah dirangka dan di rencanakan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam untuk Halatuju 1: Pengajaran dan pembelajaran adalah melalui dua **Projek Inisiatif iaitu ASAH (BUKTI 1: PROGRAM ASAH DI FKA)** dan **SPARK (BUKTI 2: SPARK)**. Inisiatif ASAH adalah menekankan kepada **Pengukuhan Asas Kejuruteraan Awam** melalui pendekatan tenaga pengajar yang berkeyakinan tinggi dan kompeten. Antara keberhasilan yang diharapkan adalah untuk menghasilkan graduan Bumiputera yang dapat diterima di persada antarabangsa. Antara KPI yang diukur adalah peratusan graduan berjaya menamatkan pengajian dalam jangkawaktu yang ditetapkan, aktiviti e-pembelajaran yang diaplikasikan dan pengiktirafan daripada badan-badan professional. Inisiatif SPARK adalah bertujuan untuk **meyerlahkan ketampakan sumber kepakaran para akademia serta kepakaran teknikal Fakulti Kejuruteraan Awam**. Ianya diharapkan mampu meningkatkan jumlah enrolmen pelajar peringkat Sarjana Muda dan Pasca Ijazah dengan harapan ianya dapat mencetuskan jaringan industri serta universiti-universiti yang lain. Antara keberhasilan yang diharapkan adalah graduan Bumiputera berdaya saing dalam pembangunan dan pengembangan ilmu keterhadapan. Melalui **pelaksanaan inisiatif- inisiatif ini, ianya secara langsung membantu pencapaian FKA di dalam bidang tumpuan iaitu P&P bagi tahun 2019 dan 2020** yang membantu FKA mencapai mencapai penarafan 6 bintang UiTM 2025 bagi pencapaian tahun 2020(**BUKTI 3: PENCAPAIAN FKA 6 BINTANG**)

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PROGRAM ASAH DI FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PROGRAM SPARK DI FKA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PENCAPAIAN FKA 6 BINTANG.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) sangat komited dalam usaha memastikan bidang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sentiasa berada pada tahap terbaik. Ini dapat dilihat menerusi **perancangan** teliti oleh Pengurusan FKA untuk memastikan perancangan strategik FKA yang telah dirangka agar sentiasa selari dengan misi, visi serta objektif dan inisiatif Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016-2020). Perancangan strategik FKA dibahagikan kepada lima teras utama yang dikenali sebagai **Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)**; Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan; Akademia, Industri dan Masyarakat; Kepimpinan; dan Keusahawanan.

Pelaksanaan perancangan strategik dapat dilihat melalui projek inisiatif strategik yang telah dilaksanakan seperti Pengukuhan Asas Kejuruteraan Awam (ASAH) dan Penyerlahan dan Ketampakan (SPARK). ASAH diilhamkan dalam usaha memastikan tenaga pengajar FKA sentiasa berkeyakinan tinggi dan kompeten manakala SPARK menyerlahkan ketampakan sumber kepakaran para akademia serta kepakaran teknikal FKA. Projek inisiatif strategik ini dirangka untuk **meningkatkan tahap kompetensi graduan FKA** UiTM dengan menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dan diyakini. Selain itu, pihak pengurusan FKA juga sangat komited dalam usaha untuk **memastikan program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan** daripada badan bertauliah kejuruteraan iaitu Engineering Accrediation Council (EAC). Ini dapat dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Kelulusan dan Akreditasi FKA, yang bertanggungjawab membuat perancangan rapi dalam usaha untuk memastikan program yang ditawarkan sentiasa mempunyai akreditasi.

Bagi memastikan segala perancangan dan juga pelaksanaan sentiasa menjurus ke arah mencapai objektif perancangan strategik FKA, satu sistem **pemantauan** telah ditetapkan yang mana terbahagi kepada tiga (3) fasa tahunan mengikut fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2016-2017), Fasa 2 (2017 - 2018) dan Fasa 3 (2019-2020). Pemantauan dibuat melalui **pembentangan dapatan pencapaian** oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik di dalam mesyuarat MKSP yang diadakan setiap 6 bulan dan juga laporan pencapaian yang disediakan oleh ' *Centre for Strategic Planning and Information*' (CSPI). Ketua projek inisiatif strategik juga membuat pemantauan untuk memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dan mencari penyelesaian alternatif sekiranya perlu.

Hasil daripada pelaporan yang dibuat, **tindakan penambahbaikan** dilakukan sekiranya pencapaian semasa tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Antara tindakan penambahbaikan yang diambil adalah seperti **memberi peringatan berterusan** melalui aplikasi Whatsapp kepada staf FKA tentang kepentingan memuat naik dokumen dan data yang diperlukan oleh FKA, membuat hebahan laporan pencapaian fakulti supaya setiap staf FKA peka dengan pencapaian semasa. Selain itu, **warga FKA perlu sentiasa peka akan keperluan FKA mencapai sasaran yang telah ditetapkan universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi**. Dengan itu perancangan dan strategi yang tepat dapat dirangka serta jalan penyelesaian dapat dilakukan berdasarkan masalah yang telah dikenalpasti. Selain itu, tindakan penambahbaikan juga dibuat di peringkat jawatankuasa setelah risiko atau masalah dikenalpasti.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Di dalam usaha untuk memantapkan bidang P&P di FKA, pihak Pengurusan fakulti telah membuat **perancangan sistematik** yang merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan atau dikenali sebagai proses PDCA (Plan, Do, Check, Act) dengan **mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan**. Jawatankuasa Perancangan Strategik telah ditubuhkan untuk merangka pelbagai inisiatif strategik untuk memastikan Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM dapat dicapai. Terdapat lima teras utama di dalam fasa perancangan strategik yang dikenali sebagai **Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)**; Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan; Akademia, Industri dan Masyarakat; Kepimpinan; dan Keusahawanan.

Objektif dan inisiatif strategik FKA dirangka agar selari dengan objektif kualiti FKA (Rujuk **BUKTI 1: DOKUMEN PERANCANGAN STRATEGIK FKA**) dengan mengambilkira sasaran pencapaian FKA yang telah ditetapkan di peringkat universiti (**Rujuk BUKTI 2: SENARAI PETUNJUK PRESTASI FKA**). Dua inisiatif strategik bagi bidang P&P yang dikenali sebagai Program Pengukuhan Asas Kejuruteraan Awam (ASAH) dan Program Penyerlahan dan Ketampakan (SPARK) telah dihasilkan (**Rujuk BUKTI 3: PROJEK INISIATIF STRATEGIK BIDANG P&P FKA**).

Selain itu, Jawatankuasa Kelulusan dan Akreditasi FKA bertanggungjawab untuk **memastikan program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan daripada EAC**, selaku badan bertauliah kejuruteraan. Satu projek yang dikenali sebagai **Route to EAC** telah dirangka bagi **memastikan kejayaan FKA untuk mendapat akreditasi penuh EAC untuk tempoh 6 tahun tanpa interim** tercapai. (**Rujuk BUKTI 4: ROUTE TO EAC**). Melalui pendekatan yang diambil, tiga kekuatan utama bidang P&P yang ingin difokuskan dalam laporan ini adalah Akreditasi Program oleh Engineering Accreditation Council (EAC), Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar.

Pelbagai inovasi dalam bidang P&P telah dihasilkan seperti e-FYP, MyCOPO, e-POH dan juga e-Audit Coursefile (**Rujuk BUKTI 5: INOVASI DALAM BIDANG P&P**). Kesemua inovasi ini dihasilkan melalui proses PDCA yang diamalkan secara berterusan dalam perancangan strategik FKA. Hasil **inovasi** seperti e-FYP, MyCOPO, e-Audit Coursefile sangat membantu dalam proses akreditasi EAC manakala e-POH dapat membantu dalam meningkatkan ketampakan pensyarah dan menghebahkan pencapaian pelajar. **Elemen perkongsian ilmu di dalam perancangan secara sistematik sentiasa diamalkan oleh pihak pengurusan FKA**, dan ini dapat dilihat melalui perkongsian amalan yang berkesan dikalangan staf FKA. Sesi perkongsian ini dapat dilihat melalui program seperti **mesyuarat, sesi perkongsian ilmu, webinar** di mana hasilnya terserlah menerusi pencapaian staf dan juga pelajar. Amalan yang berkesan akan dijadikan contoh dan ikutan dalam usaha untuk memastikan segala perancangan yang dibuat untuk meningkatkan keberhasilan bidang P&P berkesan dan mencapai objektif.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 PERANCANGAN STRATEGIK FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SENARAI PETUNJUK PRESTASI FKA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PROJEK INISIATIF STRATEGIK BIDANG P&P FKA.pdf](#)
4. [BUKTI 4 ROUTE TO EAC.pdf](#)
5. [BUKTI 5 INOVASI DALAM BIDANG P&P.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Memandangkan FKA merupakan komponen di dalam UiTM, segala perancangan objektif dan inisiatif yang dirangka adalah sejajar dengan perancangan strategik yang diwar-warkan **keseluruh UiTM**. Oleh itu, dokumentasi Perancangan Strategik telah dihasilkan bertujuan untuk digunakan sebagai garis panduan umum dan rujukan utama dalam menyusun strategi pelaksanaan aktiviti di FKA dari tahun 2016-2020 sejajar dengan perancangan dan gerak kerja UiTM bagi RMKe-11 UiTM (2016-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (**Rujuk BUKTI 1: DOKUMEN RUJUKAN FKA dan BUKTI 2: PEMETAAN PROJEK INISIATIF FKA DENGAN KPI RMKe-11 UiTM**). Selain itu, objektif dan inisiatif strategik yang ditetapkan adalah berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Visi, Misi, Objektif dan Objektif Kualiti UiTM (Pelan Strategik UiTM), Dokumen Engineering Accreditation Council (EAC), Pelunjuran Pengambilan Pelajar, Kekuatan Fakulti, Kemajuan Ilmu Terkini dan Keperluan Industri.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 DOKUMEN RUJUKAN PENYEDIAAN PERANCANGAN STRATEGIK FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PEMETAAN PROJEK INISIATIF FKA DENGAN KPI RMKe-11 UiTM.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan FKA kekal fokus dengan objektif dan inisiatif strategik yang telah dipersetujui untuk memantapkan bidang P&P tahun 2016-2020, beberapa **pelan pemantauan telah dirangka**. Perancangan objektif dan inisiatif strategik FKA telah dibahagikan kepada **tiga (3) fasa tahunan mengikut fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2016-2017), Fasa 2 (2017 - 2018) dan Fasa 3 (2019-2020) supaya pemantauan serta penambahbaikan dapat dilakukan.**

Proses pemantauan yang dilaksanakan di FKA adalah berdasarkan **proses PDCA (Plan, Do, Check, Act)**. Pemantauan bagi bidang P&P dalam usaha untuk mendapat akreditasi EAC, dan meningkatkan Ketampakan Pensyarah serta Pencapaian Pelajar dapat dilihat secara langsung melalui MKSP (sekurang-kurangnya 2 kali setahun). Aktiviti **pemantauan juga dilaksanakan melalui Audit fail kursus, MyATP, CQI, SUFO dan PROPENS yang diadakan 2 kali setahun**. Audit fail kursus dijalankan pada setiap semester bagi semua kod kursus yang diajar pada semester sebelumnya. Selain itu, penyediaan penilaian berdasarkan Complex Problem yang telah disemak dan disahkan oleh AJK Complex Problem. Proses penyemakan (Vetting) untuk kertas soalan ujian dan peperiksaan akhir yang melibatkan 'Resource Person' dan penilai sebelum semua ujian dan peperiksaan dijalankan. Hasil pemantauan **digunakan untuk kajisemula pengurusan (Rujuk BUKTI 1: PETIKAN LAPORAN MKSP BIL 2 (2020); BUKTI 2: LAPORAN MKSP BERKAITAN e-AUDIT FAIL KURSUS dan BUKTI 3: LAPORAN BENGKEL SEMAK SEMULA PENGGAL PERTENGAHAN PERANCANGAN STRATEGIK FKA)**. Aktiviti pemantauan juga dapat dilihat melalui mesyuarat jawatankuasa, aduan yang dibuat berkaitan bidang P&P, maklumbalas daripada pelanggan, maklumbalas daripada IAP dan visiting Profesor Pelawat. Aktiviti pemantauan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik dan unit Kualiti FKA dapat dilihat dalam **BUKTI 4: AKTIVITI PEMANTAUAN FKA**.

Proses penambahbaikan teras P&P turut melibatkan kumpulan sasaran iaitu staf akademik dan pelajar. Proses perancangan penambahbaikan ini boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu **P&P dan infrastruktur P&P**. Langkah penambahbaikan dapat dilihat secara langsung melalui audit fail kursus staf akademik. Cadangan penambahbaikan daripada staf akademik dizahirkan dalam CQI bagi kursus yang telah diajar. Ini merangkumi maklumbalas pelajar berdasarkan SuFO serta Entry dan Exit survey. Keberkesanan proses pemantauan FKA dapat dilihat melalui **BUKTI 5: PENCAPAIAN FKA**.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 PETIKAN LAPORAN MKSP BIL 2 \(2020\).pdf](#)
2. [BUKTI 2 LAPORAN MKSP BERKAITAN e-AUDIT FAIL KURSUS.docx.pdf](#)
3. [BUKTI 3 LAPORAN BENGKEL SEMAK SEMULA PENGGAL PERTENGAHAN PERANCANGAN STRATEGIK FKA.pdf](#)
4. [BUKTI 4 AKTIVITI PEMANTAUAN FKA.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PENCAPAIAN FKA.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sebagai langkah untuk memastikan FKA dapat mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan, pihak pengurusan FKA telah mengenalpasti beberapa risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian sasaran. Seterusnya langkah-langkah **merancang tindakan pencegahan dilakukan**. Antara risiko yang boleh mengekang pencapaian objektif fakulti seperti persediaan dan penyampaian P&P secara atas talian, pelaksanaan inisiatif strategik ASAH, penyediaan kertas peperiksaan dan pemantauan (PROPENS) dapat dilihat dalam **BUKTI 1: PENGURUSAN RISIKO FKA dan BUKTI 2: DOKUMEN DAFTAR PENGURUSAN RISIKO HEA**. Tindakan pencegahan risiko FKA juga dapat dilihat melalui persediaan yang dilakukan bagi melaksanakan P&P secara atas talian dalam masa yang singkat disebabkan COVID19. FKA telah menyediakan **manual pengendalian P&P secara ‘Open Distance Learning (ODL)’ berikutan COVID-19** untuk memastikan objektif kualiti dapat dicapai. Proses kenal pasti risiko FKA juga memerlukan setiap pensyarah untuk melaporkan aktiviti P&P yang diadakan secara atas talian dari segi medium yang digunakan dan juga penyertaan pelajar. Proses ini membolehkan risiko seperti ketidakpatuhan terhadap manual P&P dan risiko pelajar tidak dapat menyertai aktiviti P&P dapat dikenal pasti dan langkah pencegahan dapat dilaksanakan. Penerangan berkaitan pelaksanaan P&P secara ODL dibuat semasa mesyuarat perancangan dan persediaan COVID-19 bersama dekan sebelum sesi kuliah bermula. (Rujuk **BUKTI 3: PERANCANGAN DAN PERSEDIAAN COVID-19**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PENGURUSAN RISIKO FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 DOKUMEN DAFTAR PENGURUSAN RISIKO HEA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PERANCANGAN DAN PERSEDIAAN COVID-19.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisan perancangan strategik yang diperolehi akan **dikongsi kepada warga FKA** supaya dapat melihat kejayaan bagi sasaran yang telah berjaya dicapai dan membuat penambahbaikan untuk sasaran yang masih belum tercapai. Hasil penganalisan perancangan strategik dibentangkan dalam mesyuarat staf bersama dekan FKA di mana pembentangan infografik dan kuantitatif disediakan untuk lebih kefahaman (**BUKTI 1: AMANAT DEKAN**). Selain itu, pencapaian semasa FKA juga dikongsi dari masa ke semasa dan rumusan pencapaian akan dimaklumkan kepada semua staf melalui medium seperti email dan 'whatsapp'. Staf FKA diingatkan agar sentiasa mengisi pelaporan di e-POH dan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk tujuan rekod supaya data dapat dikemaskini. Perancangan bagi mengatasi risiko kegagalan dalam mencapai sasaran yang ditetapkan juga segera dirangka bagi memastikan sasaran dapat dicapai. Jawatankuasa Task Force bertindak menganalisa punca CGPA rendah di kalangan pelajar seperti yang ditetapkan dalam **BUKTI 2: BIDANG KUASA AJK TASK FORCE**. Analisa berkaitan faktor kegagalan mencapai sasaran objektif dan inisiatif dalam bidang P&P turut dibincangkan semasa MKSP (Rujuk **BUKTI 3: LAPORAN MKSP BERKAITAN e-AUDIT FAIL KURSUS**). Penambahbaikan bagi bidang P&P juga dibuat melalui Semakan Kurikulum setiap 5 tahun atau kurang daripada 5 tahun sekiranya perlu, yang melibatkan pemetaan PO (Program Outcome) dan PEO (Program Educational Outcome) (Rujuk **BUKTI 4: BENGKEL SEMAKAN KURIKULUM**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 AMANAT DEKAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 BIDANG KUASA AJK TASK FORCE.docx.pdf](#)
3. [BUKTI 3 LAPORAN MKSP BERKAITAN e-AUDIT FAIL KURSUS.pdf](#)
4. [BUKTI 4 BENGKEL SEMAKAN KURIKULUM.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan FKA mengadakan **Bengkel Perancangan dan Pencapaian Pelan Strategik 2 kali setahun** untuk membentangkan pencapaian semasa. Cadangan penambahbaikan akan dibuat bagi memastikan sasaran dicapai dengan segera. Selain daripada itu, objektif, inisiatif strategik, cadangan perancangan strategik FKA yang bersesuaian dengan hala tuju universiti juga dibincangkan (Rujuk **BUKTI 1: BENGKEL DAN AKTIVITI FKA**).

Kepimpinan Kanan FKA sering mengadakan **bengkel OBE (Outcome Based Education)** sebanyak 2 kali setiap tahun yang melibatkan semua staf akademik dan staf teknikal bagi pengamalan OBE yang berterusan di dalam P&P. Kepimpinan Kanan FKA juga **menggalakkan staf untuk meningkatkan potensi diri** dengan menganjurkan/menghadiri pelbagai bengkel, penyertaan inovasi dan webinar (Rujuk **BUKTI 1: BENGKEL DAN AKTIVITI FKA**).

Pencapaian Kepimpinan Kanan FKA menjadi teladan di kalangan staf ditunjukkan dalam **BUKTI 2: PENCAPAIAN KEPIMPINAN KANAN FKA**. Kepimpinan Kanan FKA juga mengamalkan **konsep Apresiasi (mengadakan majlis makan malam) yang mana penghargaan diberikan atas usaha dan pencapaian staf FKA**. Majlis ini memberi penghargaan dan insentif terhadap kejayaan yang dicapai oleh staf bagi tujuan memberi motivasi kepada staf supaya semakin bersemangat. Selain itu, anugerah juga diberikan kepada pelajar untuk menghargai sumbangan yang diberikan oleh pelajar dalam memantapkan P&P secara dua hala. (Rujuk **BUKTI 3: PEMBUDAYAAN APRESIASI FKA**)

Kesungguhan Kepimpinan Kanan FKA menggerakkan fakulti untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang dirancang untuk peningkatan bidang P&P juga dapat dilihat melalui sesi taklimat bersama dekan dan Mesyuarat Akademik. Sesi Kepimpinan kanan bersama staf FKA ini bertujuan mengwar-warkan pencapaian FKA dan permasalahan FKA dibincangkan. Melalui sesi ini, maklumbalas secara terus daripada staf akan diperoleh sekiranya terdapat sebarang permasalahan dan cadangan penambahbaikan (Rujuk **BUKTI 4: SESI BERSAMA KEPIMPINAN KANAN FKA**).

Mengadakan **penanda aras (benchmarking) dengan universiti dalam dan luar negara** untuk meningkatkan pengetahuan, pendedahan pengalaman dalam pengurusan pembangunan struktur kurikulum. Selain daripada itu, penanda aras juga dapat mengadakan perbincangan dari segi akademik, pengurusan dan infrastruktur dalam membuat penambahbaikan yang diperlukan oleh FKA. Penanda aras ini juga boleh **melihat operasi dan perjalanan universiti yang berprestasi tinggi serta membina jaringan hubungan yang baik antara kedua-dua belah pihak**. Selain itu, penanda aras juga menunjukkan bahawa amalan FKA turut menjadi ikutan di peringkat **Malaysia** dan antarabangsa (Rujuk **BUKTI 5: PROGRAM PENANDA ARAS**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 BENGKEL DAN AKTIVITI FKA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENCAPAIAN KEPIMPINAN KANAN FKA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PEMBUDAYAAN APRESIASI.pdf](#)
4. [BUKTI 4 SESI BERSAMA KEPIMPINAN KANAN FKA.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PROGRAM PENANDA ARAS.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspirasi FKA terhadap pelanggan adalah selari dengan Dasar Kualiti UiTM iaitu komited untuk menguruskan universiti secara profesional demi melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing, global dan beretika serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dan sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia. Di FKA, **pencapaian P&P adalah berkait rapat dengan pelanggan yang terdiri daripada pelajar dan pihak industri/alumni yang memfokuskan kepada strategi pencapaian pelajar memenuhi kriteria dan piawaian yang digariskan dalam keperluan akreditasi oleh *Engineering Accreditation Council (EAC)***. Justeru bagi memastikan objektif pelanggan ini tercapai, pihak pengurusan FKA telah menetapkan kaedah yang sistematik di dalam operasi P&P fokus kepada pelanggan FKA melalui tindakan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Di dalam mengukur keberkesanan pencapaian pelanggan, FKA telah berjaya menyusun **perancangan** berdasarkan kaedah 5M yang merangkumi 3 fasa iaitu **sebelum (Merancang), semasa (Melaksana dan Memantau) dan selepas (Menilai dan Mengkaji semula)** sesuatu perkara seperti yang telah diterangkan.

Justeru FKA komited di dalam **pelaksanaan operasi** demi meningkatkan kualiti pelanggan dan pihak yang berkepentingan seperti yang tercatat dalam **piagam pelanggan** iaitu 1) Menyediakan kemudahan yang kondusif untuk pembelajaran yang berkesan, 2) Menghasilkan graduan yang bermutu dan memenuhi keperluan pasaran global, 3) Menyediakan kurikulum yang mantap dan terkini dengan penyampaian yang berkesan, 4) Mengadakan jalinan/networking dengan alumni, industri dan IPT di dalam dan luar negara, dan 5) Memberikan perkhidmatan yang mesra dan cekap.

Pihak pengurusan tertinggi mengamalkan sistem **pemantauan dan penambahbaikan** secara menyeluruh melalui semakan semula sistem pengurusan kualiti FKA dengan menjadikan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan atau dikenali sebagai **MKSP sebagai platform**. MKSP bertujuan untuk memantau perkembangan pelaksanaan operasi serta menilai peluang-peluang penambahbaikan dan keperluan melakukan perubahan atau pindaan kepada Dasar Kualiti serta Objektif Kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti FKA secara keseluruhannya. Bagi memastikan keberkesanan dan kesesuaiannya, MKSP ini dibuat sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

Sistem MKSP terbahagi kepada 3 iaitu **laporan status, tindakan, dan pembetulan serta pencegahan**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasar bagi tumpuan pelanggan di dalam bidang P&P terbahagi kepada **dua (2) kumpulan utama** iaitu **1) pelajar** yang dibahagikan kepada **pelajar semasa dan bakal pelajar** dan **2) industri** iaitu majikan serta **alumni**. Kaedah mengenalpasti pelanggan dibuat adalah berbeza dan bersesuaian mengikut kategori seperti yang diterangkan di dalam **BUKTI 1: KATEGORI PELANGGAN**. Penumpuan terhadap pelanggan merupakan salah satu agenda yang ditetapkan dalam Perancangan Strategik FKA yang meliputi operasi dan sasaran yang menjurus kepada pembangunan P&P. Ini kerana penglibatan kumpulan sasar iaitu pelanggan merupakan elemen penting dalam pelaksanaan operasi P&P untuk memastikan program yang ditawarkan oleh FKA mendapat pengiktirafan akreditasi dari badan bertauliah kejuruteraan iaitu *Engineering Accreditation Council (EAC)*.

Kaedah mengenalpasti pelajar dilaksanakan secara meluas di peringkat kebangsaan melalui program-program khusus seperti **Program STEM** untuk menarik minat pelajar-pelajar di peringkat awal lagi iaitu di sekolah rendah dan menengah. Manakala program promosi di bawah **Misi Akademik** fokus kepada lepasan diploma, manakala untuk lepasan SPM dan matrikulasi serta asasi melalui program-program **Ekspo Selangkah UiTM 2020, Jom Masuk IPT, Program Jelajah Matrikulasi, dan Program Festival UiTM Perform 2020** seperti yang ditunjukkan melalui **BUKTI 2: PROGRAM PROMOSI**. Semasa program tersebut dijalankan, FKA merekod maklumat data pelanggan. Justeru maklumat ini akan digunakan bagi tujuan kajisemula. Sekiranya perlu, mereka akan dihubungi semula untuk dibeli peluang melanjutkan pelajaran di FKA.

Kaedah mengenalpasti pelanggan ini telah dirancang oleh pihak pengurusan FKA dan turut disebarluaskan melalui **inovasi sistem e-POH**. Sistem e-POH ini telah dibangunkan di FKA sebagai **medium pengumpulan dan penyebaran maklumat** kepada warga FKA, UiTM dan luar UiTM keseluruhannya. Ia merupakan sistem online yang boleh di akses oleh semua pengguna di mana jua, dan data-data disimpan dalam satu pangkalan data. Sistem ini yang *paper-less* amat bersesuaian dan bertepatan dengan situasi pandemik Covid-19. Inovasi e-POH ini telah mendapat pengiktirafan dan penganugerahan sebagai **Juara Keseluruhan dalam pertandingan “Operational Excellence (OE) Simposium 2020” (BUKTI 3: ANUGERAH OPERASI UiTM)**. Selain itu, penumpuan pelanggan juga telah merancang dan melaksanakan elemen **penilaian dan penambahbaikan melalui maklumbalas dari pelanggan** untuk di ambil perhatian dan tindakan.

Berdasarkan rekod **pendaftaran pelajar lama** pada tahun 2019, seramai 1552 orang telah kembali mendaftar ke FKA dan bilangan ini telah meningkat kepada 1891 orang pada tahun 2020. Pencapaian kedua-dua tahun ini telah **melebihi sasaran** yang diunjurkan iaitu seramai **1000 orang**. Namun jumlah **pendaftaran pelajar baru** ke FKA didapati menurun dari 809 kepada 602 orang pada tahun 2019 hingga 2020, namun bilangan ini telah **melebihi sasaran iaitu 500 orang (BUKTI 4: DATA PELAJAR)**. Syarat kemasukan yang ditetapkan mempengaruhi kemasukan pelajar dan situasi pandemic Covid-19 sedikit sebanyak memberi kesan terhadap penurunan ini. Namun dari segi pencapaian peratusan pelajar bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (**GOT**) pada tahun 2019 dan 2020, satu peningkatan telah direkodkan. Peratusan GOT pada tahun 2019 ialah sebanyak 49.1% (sangat hampir mencecah sasaran 50%) dan pada tahun 2020 bilangan ini telah meningkat kepada 81.9% (melebihi sasaran 80%) (**BUKTI 4: DATA PELAJAR**). Faktor peningkatan ini berkait rapat dengan kualiti perkhidmatan P&P yang disediakan oleh pihak pengurusan FKA yang telah merangka garis panduan pelaksanaan P&P secara ODL sepanjang pandemik Covid-19 ini. Selain itu ia juga dicapai hasil penglibatan pakar-pakar dari industri melalui barisan IAP, alumni dan barisan Jurutera Profesional yang menjadi panel dalam pembentangan **Final Year Project (FYP), Integrated Design Project (IDP) dan Engineering in Society (EIS) (BUKTI 5: PENGLIBATAN INDUSTRI DAN ALUMNI DALAM P&P)**.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 KATEGORI PELANGGAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PROGRAM PROMOSI.pdf](#)
3. [BUKTI 3 ANUGERAH OPERASI UiTM.pdf](#)
4. [BUKTI 4 DATA PELAJAR.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PENGLIBATAN INDUSTRI DAN ALUMNI DALAM P&P.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah **pengumpulan dan penyimpanan data pelajar** dibuat secara sistematik dan perkomputeran seperti yang ditunjukkan di dalam **BUKTI 1: PENGKALAN DATA PELAJAR**. Data pelajar disimpan di dalam **Student Information Management System (SIMS)**. Data pelajar yang boleh diperolehi dari SIMS adalah maklumat peribadi, program akademik serta pencapaian keputusan akademik. Kesenambungan dari sistem SIMS ini, **satu lagi inovasi penyimpanan maklumat dan pencapaian pelajar telah dibangunkan oleh FKA yang dinamakan MyCOPO** FKA merupakan **pelopor** kepada pembinaan system MyCOPO yang **merekod pencapaian pelajar mengikut *attribute course outcome (CO)* dan *programme outcome (PO)*** bagi memastikan graduan yang dihasilkan seimbang dalam semua kemahiran. Pengukuran pencapaian CO-PO ini merupakan **elemen utama dalam syarat akreditasi EAC**. Kaedah merekod dan menyimpan data pelajar dalam MyCOPO ini adalah secara atas talian menerusi pautan yang terdapat di dalam laman sesawang FKA (**BUKTI 1: PENGKALAN DATA PELAJAR**). Sistem ini membantu pelajar dan penasihat akademik (PA) dalam memantau pencapaian akademik untuk tujuan penambahbaikan. Bagi inovasi sistem MyCOPO ini telah memenangi anugerah di dalam pertandingan *“Operational Excellence (OE) Symposium 2020”* (**BUKTI 1: PENGKALAN DATA PELAJAR**). Sebagai tambahan kepada PA, maklumat peribadi dan akademik pelajar akan dikemaskini setiap semester melalui **template sistem PA** yang mengandungi maklumat pelajar, kedatangan pelajar dan pelan pengajian seperti dalam **BUKTI 1: PENGKALAN DATA PELAJAR**. Borang ini disediakan oleh pihak pengurusan FKA bagi memudahkan pemantauan dapat dilaksanakan secara kerap dan merapatkan hubungan di antara PA dan pelajar. Seterusnya adalah proses penilaian dibuat terhadap pencapaian akademik pelajar. Sistem yang dibangunkan mempunyai keupayaan yang dapat menjimatkan masa di mana data dapat diperolehi terus dan pantas justeru membuktikan keberkesanan yang tinggi dalam proses pemantauan hasil P&P terhadap pelajar. Pihak FKA mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap keupayaan pelajar untuk berjaya dengan cemerlang, lalu pihak pengurusan telah mewujudkan **buddy system** dan **Program ke Arah Kecemerlangan Pelajar (KACA)** bagi tujuan **penambahbaikan terhadap akademik pelajar** yang mempunyai pencapaian kurang memberangsangkan.

Sekali lagi FKA menggunakan platform pelaporan yang efisien iaitu **e-POH** bagi tujuan **melebarluaskan maklumat yang mampu dicapai bukan sahaja di dalam kampus malah di mana sahaja**. Pelaporan aktiviti di FKA dibuat secara melalui atas talian menggunakan *google form* – <http://bit.ly/PelaporanAktivitiFKA2020> (**BUKTI 2: SISTEM PELAPORAN**).

Di dalam menjayakan pelaksanaan P&P yang berkesan, **pihak pengurusan FKA telah melibatkan kumpulan sasaran** pelajar bersama industri/alumni dengan pelbagai aktiviti yang dikoordinasi oleh Koordinator Penyelidikan bersama dengan Timbalan Dekan PJI di bawah Jawatankuasa Panel Penasihat Industri dan Jawatankuasa Alumni FKA (**BUKTI 3: PELAJAR BERSAMA ALUMNI DAN INDUSTRI**).

Di dalam **menjayakan pelaksanaan P&P yang berkesan**, kualiti penyampaian P&P sentiasa ditambah baik melalui program seperti **Bengkel OBE Refreshment** kepada pensyarah yang diadakan secara berkala setiap tahun. Pengetahuan OBE ini dipanjangkan berterusan kepada pelajar pada pertemuan hari pertama kuliah setiap semester. Justeru maklumat dan pengetahuan berkaitan OBE dapat dipastikan kesinambungannya sepanjang masa **di FKA**. Kepakaran yang dimiliki oleh penyelaras OBE di kalangan pensyarah FKA turut dikongsikan melalui bengkel-bengkel OBE yang dijalankan di peringkat luar FKA hingga universiti luar negara (**BUKTI 4: BENGKEL OBE**). Ini membuktikan **pembudayaan berkaitan OBE telah mencapai hingga ke peringkat kebangsaan**.

Selain itu, pihak FKA turut menyahut seruan ke arah Industri 4.0 dengan pembangunan medium P&P yang lebih interaktif dan menarik sebagai kaedah alternatif seperti pembangunan **massive open online course (MOOC)** dalam beberapa subjek di FKA. Bengkel kaedah

membangunkan MOOC turut dianjurkan oleh FKA dengan menjemput pinak INED UiTM dalam memberi latihan kepada pensyarah yang terlibat. Usaha ini bertujuan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan utama iaitu pelajar agar mereka dapat menerima ilmu yang berkualiti walaupun dalam keadaan pandemic Covid-19 yang menghalang komunikasi bersemuka. Penggunaan MOOC diperluas melalui penglibatan aktif pelajar di dalam medium tersebut yang boleh dicapai bukan sahaja di dalam UiTM malah diluar UiTM. Satu tinjauan telah dilakukan di mana hasil tinjauan menunjukkan **seramai 2201 penglibatan aktif pelajar MOOC** direkodkan. Jumlah ini **melebihi sasaran** 1900 penglibatan yang ditetapkan FKA. **(BUKTI 5: INOVASI P&P)**. Tidak ketinggalan juga FKA telah membangunkan beberapa inovasi berkaitan P&P di antaranya sistem MyCOPO, *e-Final Year Project* dan *e-Industrial Training*. **(BUKTI 5: INOVASI P&P)**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PENGKALAN DATA PELAJAR.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SISTEM PELAPORAN.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PELAJAR BERSAMA ALUMNI DAN INDUSTRI.pdf](#)
4. [BUKTI 4 BENGKEL OBE.pdf](#)
5. [BUKTI 5 INOVASI P&P.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Di dalam usaha mengekalkan kualiti produk bakal jurutera yang dihasilkan oleh FKA, **kaedah P&P di FKA dipantau melalui badan bertaraf dunia (EAC) secara berkala**. Hasil penilaian dan pemantauan oleh pihak EAC dikajisemula semula oleh pihak pengurusan FKA bagi memastikan kesinambungan pengiktirafan kursus adalah berterusan. Justeru, kejayaan cemerlang telah diperolehi melalui pengiktirafan penuh akreditasi EAC untuk tempoh enam (6) tahun tanpa interim. Ini sekaligus menjadikan FKA sebagai julung-julung fakulti yang diberikan pengiktirafan akreditasi penuh ini di kalangan semua universiti dalam Malaysia yang menawarkan program serupa. **(BUKTI 1: AKREDITASI OLEH EAC)**. Pemantauan terhadap kurikulum dilaksanakan melalui **semakan kurikulum di buat setiap 5 tahun sekali (maksimum) atau lebih awal dari itu jika perlu** dengan mengambil kira pandangan daripada penasihat panel industri, pemeriksa/penilai luar dan pensyarah. Tahun terakhir semakan kurikulum dibuat adalah pada 2017 dan akan melalui semakan semula pada tahun 2022. Bagi tujuan ini, kertas kerja semakan kurikulum tersebut telah disiapkan dan akan melalui proses pembentangan terhadap Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU) dan seterusnya Senat Universiti **(BUKTI 2: SEMAKAN KURIKULUM)**.

Pemerkasaan pemantauan P&P juga dapat dilihat melalui pembangunan *Massive Open Online Courses (MOOC)* sebagai **kaedah P&P** yang lebih efisien dan meluas bukan saja untuk kegunaan pelajar dalam kampus malah boleh digunakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terdapat pertambahan bilangan MOOC yang dibangunkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 3 bilangan berbanding 1 bilangan pada tahun sebelum. Menjadikan jumlah MOOC yang telah dibangunkan di FKA adalah 23. Namun apa yang boleh dibanggakan adalah bilangan pelajar yang menyertai MOOC adalah **melempi sasarannya** yang ditetapkan iaitu seramai **2201 berbanding sasarannya seramai 1900 pelajar (BUKTI 3: MOOC)**. Dan lebih membanggakan adalah MOOC dari FKA telah memenangi anugerah berprestij dalam pertandingan **eConDev 2019 dan eConDev 2020** dan telah dinobatkan sebagai **Best MOOC Award for S&T dan Gold Medal Award (BUKTI 3: MOOC)**.

Dalam aspek faedah yang diperolehi oleh pelanggan hasil pelaksanaan P&P yang berkesan, ia dapat diukur menerusi beberapa **projek hasil kolaborasi antara pelajar dengan pensyarah, badan profesional kerajaan dan swasta serta pakar-pakar industri**. Peningkatan jumlah projek, jumlah geran, amaun perundingan dan bilangan tawaran kolaborasi dari pihak luar UiTM samaada dari dalam Malaysia atau luar negara menjadi indikasi manfaat hasil pengoperasian P&P yang baik. Di dalam projek-projek ini, penglibatan pelajar telah diterapkan bagi memberi pendedahan kepada pelajar situasi sebenar bekerja bersama semua sektor industri dan juga masyarakat. **Aktiviti-aktiviti dan kejayaan-kejayaan pelajar** yang diperolehi disenaraikan di dalam **BUKTI 4: PENCAPAIAN PELAJAR 2019 dan BUKTI 5: PENCAPAIAN PELAJAR 2020**. Ini menunjukkan P&P di FKA bukan sahaja berlangsung di dalam bilik darjah malah melibatkan dunia sebenar di luar kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 AKREDITASI OLEH EAC.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SEMAKAN KURIKILUM.pdf](#)
3. [BUKTI 3 MOOC.pdf](#)
4. [BUKTI 4 PENCAPAIAN PELAJAR 2019.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PENCAPAIAN PELAJAR 2020.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan P&P dilaksanakan di dalam kampus pada tahun 2019 dalam suasana kebiasaan seperti sebelumnya, namun ianya berbeza di kala negara mengalami pandemic Covid-19 di awal tahun 2020 di mana P&P berlangsung secara jarak jauh atau *online distance learning* (ODL). Justeru semua pihak mempunyai tanggungjawab bersama bagi memastikan keselesaan, keselamatan dan kesihatan para pelanggan. Pengurusan risiko ini adalah merujuk kepada **polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan UiTM, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514)** dan juga perundangan lain yang berkaitan.

Dalam **mengurangkan risiko pelajar tidak dapat mengikuti ODL**, pihak FKA telah menubuhkan "**Program Infaq Laptop 4 Siswa**" (**BUKTI 1: INFAQ LAPTOP SISWA**) kepada pelajar yang didapati kurang berkemampuan dan layak menerimanya. Sistem penyampaian disesuaikan mengikut keperluan keadaan semasa mengambilkira kekangan yang dihadapi pelajar dengan menggunakan kaedah *asynchronous* dan *synchronous*. Justeru kaedah penilaian turut berubah mengikut kesesuaian. Contoh ada ditunjukkan di dalam **BUKTI 2: KAEDAH PENILAIAN PELAJAR**. FKA juga telah bertindak pantas dengan menghasilkan satu manual Garis Panduan P&P secara ODL sebagai rujukan pensyarah. Garis panduan yang lengkap ini dapat menjawab segala permasalahan dalam mengintegrasikan kaedah bersemuka kepada atas talian dengan lancarnya.

Pelaporan kelas ODL melalui pengisian **borang (Google Form- <http://bit.ly/ODLWeek14>) dan Class Log** secara mingguan telah diwujudkan di FKA bagi mengurangkan risiko yang boleh menjejaskan penyampaian ODL. Melalui pelaksanaan ini, pensyarah dapat dipantau dari segi pelaksanaan ODL mengikut jadual yang telah ditetapkan fakulti serta pensyarah juga dapat memantau kehadiran pelajar. Contoh borang berkaitan dan ODL *logbook* ada ditunjukkan di dalam **BUKTI 3: PELAPORAN KELAS ODL SECARA MINGGUAN**

Satu jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran telah ditubuhkan di FKA yang bertanggungjawab mengurus risiko dan memastikan pengurangan risiko melalui tindakan pencegahan. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi tujuan **perkongsian ilmu dan maklumat kepada pelanggan atau warga FKA** sebagai pengetahuan dan kesedaran demi **keselamatan dan kesejahteraan sepanjang pelaksanaan P&P di FKA**. Diantaranya program pengetahuan dan kesedaran kebakaran bersama wakil Pertubuhan Pencegah Kebakaran Kuala Lumpur (PPKKL), kursus Pengoperasian Bencana bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) (**BUKTI 4: PROGRAM RISIKO BERSAMA AGENSI LUAR**), dan amalan terbaik serta selamat di makmal melalui Audit Keselamatan Dalaman. Kepentingan pengurusan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan di FKA adalah sebagai salah satu langkah untuk penyediaan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan juga sebagai **tindakan pencegahan** dari berlakunya kegagalan terhadap pelaksanaan operasi P&P dan pencapaian objektif pelanggan. Sebagai persediaan kepada pelajar FKA sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang berisiko, satu kursus induksi keselamatan dan kesihatan bagi personnel binaan (*Green Card*) telah dijalankan pada setiap semester di FKA (**BUKTI 5: BENGKEL GREEN CARD**). Perincian berkenaan operasi daftar pengurusan risiko ini akan di terangkan di dalam Kriteria 6 – Tumpuan Kepada Operasi.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PROGRAM INFAQ LAPTOP SISWA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 KAEDAH PENILAIAN PELAJAR.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PELAPORAN KELAS ODL SECARA MINGGUAN.pdf](#)
4. [BUKTI 4 PROGRAM RISIKO BERSAMA AGENSI LUAR.pdf](#)
5. [BUKTI 5 BENGKEL GREEN CARD.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Selain daripada analisis data dan tindakan yang dilaksanakan oleh Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) melalui pembentangnya yang melaporkan status, tindakan, pembetulan serta pencegahan, pihak pengurusan FKA juga turut menjadikan maklumbalas dari pelanggan sebagai platform bagi tujuan kaji semula dan tindakan penambahbaikan.

Pihak pengurusan **FKA memandang serius terhadap sebarang maklumbalas** atau aduan yang sampai dari mana-mana pihak pelanggan. Justeru, sekiranya terdapat maklumbalas atau aduan, pihak pengurusan FKA akan menyiasat dan meneliti aduan tersebut secara terperinci. Jika ianya melibatkan kepentingan FKA yang memerlukan tindakan segera maka satu **mesyuarat atau jawatankuasa khas akan dibentuk** bagi penyelesaian bersama. Di FKA, maklum balas berkala telah dirancang dan diadakan mengikut kategori pelanggan seperti dalam **BUKTI 1: JADUAL MAKLUMBALAS PELANGGAN**. Manakala maklum balas dan aduan semasa dari pelanggan diperoleh melalui medium media cetak dan media massa seperti borang aduan pelanggan, e-aduan, e-mail, laman web rasmi FKA, *facebook*, *Instagram* dan *WhatsApp group*. Semua **maklumbalas ini dianalisa dan dikongsi kepada warga FKA untuk diambil tindakan bersama bagi menambahbaik dan meningkatkan kualiti P&P**. Jika FKA menerima aduan yang **berkaitan integriti**, kes tersebut akan terus **dimajukan kepada pihak Unit Integriti UiTM**.

Hasil analisa maklumbalas SuFO bagi semester Mac -Julai 2020 telah menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang tinggi terhadap kaedah P&P yang dilaksanakan di FKA. Ini terbukti apabila FKA memperoleh skor melebihi 80% (Sangat Baik) sehingga skor maksimum 95.53% (Cemerlang). Ini menunjukkan tahap profesional kakitangan akademik dalam P&P adalah pada tahap yang sangat membanggakan. **BUKTI 2: PENILAIAN SuFO**. Kaji selidik Entrance-Exit Survey (**EES**) juga digunakan bagi **memantau keberkesanan penyampaian P&P** terhadap tahap kefahaman pelajar (**BUKTI 3: ENTRANCE EXIT SURVEY**).

Maklumbalas yang positif dari pelanggan dalam bentuk penghargaan dan pengiktirafan juga turut diterima oleh pihak pengurusan FKA. Maklumbalas ini akan disebarluaskan kepada bukan sahaja kepada semua warga FKA malah di peringkat luar FKA dan UiTM, melalui media pelaporan yang dibangunkan oleh Unit Perhubungan dan Korporat FKA. Contoh-contoh maklum balas dari pelajar yang telah bergraduan dan ibubapa pelajar ditunjukkan di dalam **BUKTI 4: MAKLUMBALAS PELANGGAN**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 JADUAL MAKLUMBALAS PELANGGAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENILAIAN SUFO.pdf](#)
3. [BUKTI 3 ENTRANCE EXIT SURVEY \(EES\).pdf](#)
4. [BUKTI 4 MAKLUMBALAS PELANGGAN.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FKA sentiasa terkehadapan dalam mewujudkan budaya yang positif dan hubungan baik dengan pelanggan untuk kepentingan bersama. Antaranya ialah **mewujudkan anugerah, menetapkan bajet berupa imbuhan dan sijil penghargaan** kepada pelanggan iaitu **pelajar yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam akademik**. Ini secara langsung dapat memberikan **galakan dan motivasi** kepada mereka untuk terus berusaha dan tidak mudah putus asa dalam mengejar cita-cita.

Antara inovasi yang telah diwujudkan dalam mengintegrasikan galakan dan motivasi dalam penyampaian P&P ialah melalui penganjuran Majlis Anugerah Kecemerlangan **Final Year Project (FYP)**. Terdapat tiga kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Tesis Terbaik, Anugerah Pembentangan Terbaik dan Anugerah Potensi Industri Terbaik. Pelajar yang berjaya merangkul anugerah tersebut akan diberikan imbuhan berupa **wang tunai dan sijil penghargaan**. Kertas kajian teknikal mereka juga akan dipertandingkan ke peringkat yang lebih tinggi dan **dihantar ke jurnal yang bersesuaian untuk penerbitan**. Selain itu **Majlis Anugerah Dekan dan Malam Pra-Graduan** juga di adakan bagi tujuan penghargaan dan galakan. (**BUKTI 1: ANUGERAH PELAJAR FKA 2019 dan BUKTI 2: ANUGERAH PELAJAR FKA 2020** bagi tahun 2020). Manakala untuk kakitangan FKA telah diadakan majlis Anugerah Akademik secara tahunan bagi menghargai semua pensyarah yang telah bertungkus lumus memastikan pencapaian akademik FKA sentiasa berada di tahap yang terbaik setiap tahun. Di antara anugerah yang diberikan pada majlis tersebut untuk tahun 2019 (**BUKTI 3: ANUGERAH AKADEMIK FKA 2019**) dan 2020 (**BUKTI 4: ANUGERAH AKADEMIK FKA 2020**). Dapat dilihat jumlah bilangan anugerah yang disampaikan meningkat pada tahun 2020 berbanding 2019.

Inovasi ini amat berkesan dan berjaya **menaikkan semangat pelajar** dan semangat pensyarah yang menyantuni pelajar, oleh itu ia telah dijadikan acara setiap semester (majlis Anugerah FYP) dan setiap tahun (lain-lain majlis anugerah). Secara jangka masa panjang, anugerah ini dapat menanam sikap dan semangat kompetitif di kalangan pelajar untuk memberikan yang terbaik dalam sesi P&P serta memberi **impak positif dengan mewujudkan suasana dan budaya pembelajaran yang kondusif dan selesa di FKA**. Hasil-hasil inovasi lain yang berjaya diwujudkan oleh FKA khusus untuk meningkatkan perkhidmatan P&P sehingga diiktiraf melalui penghargaan dan kemenangan utama dalam beberapa pertandingan berprestij adalah seperti **MyCOPO, e-FYP, e-POH dan MOOC (BUKTI 5: ANUGERAH OPERASI P&P)**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 ANUGERAH PELAJAR FKA 2019.pdf](#)
2. [BUKTI 2 ANUGERAH PELAJAR FKA 2020.pdf](#)
3. [BUKTI 3 ANUGERAH AKADEMIK FKA 2019.pdf](#)
4. [BUKTI 4 ANUGERAH AKADEMIK FKA 2020.pdf](#)
5. [BUKTI 5 ANUGERAH OPERASI P&P.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) memfokuskan kepada **tiga kekuatan utama fakulti iaitu Akreditasi oleh Engineering Accreditation Council (EAC), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar**. Pengukuran dan analisis data bagi tahun 2019 dan 2020 telah dibuat bagi ketiga-tiga aspek tersebut. Pengukuran dan analisa ini dilakukan untuk memastikan penunjuk prestasi (PI) yang telah dirancang dan dirangka di dalam Perancangan Strategik Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) dapat dicapai. Pengukuran pencapaian bidang tumpuan bukan hanya di peringkat fakulti malahan ke **peringkat UiTM, negara (Malaysia) dan antarabangsa**, sebagai contoh Ketampakan Pensyarah melalui aktiviti mobiliti, anugerah inovasi, pencapaian penerbitan buku dan journal, serta sebagai sumber rujukan dalam bidang kepakaran. Hasil pencapaian bidang tumpuan dianalisa bagi **tindakan pemantauan dan mengenalpasti kekuatan, kelemahan, jurang serta risiko**. Medium pelaporan **CQI-Log PDCA sebagai salah satu kaedah pemantauan, mengenalpasti risiko serta penambahbaikan** dan pembetulan terhadap pencapaian bidang tumpuan. Selain itu, **hasil analisa data juga dikongsi kepada seluruh warga FKA** melalui Mesyuarat Fakulti dan Mesyuarat & Amanat Bersama Dekan serta dibentangkan di peringkat kepimpinan kanan FKA melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) dan Mesyuarat Kewangan dan Perolehan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Item pengukuran adalah penting untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Dalam memastikan pencapaian bidang tumpuan P&P Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) mencapai tahap tertinggi samada di peringkat negara dan antarabangsa, FKA telah menyediakan perancangan yang sistematik dan strategik yang mengambilkira elemen **inovasi dan perkongsian pengetahuan**. Di samping itu juga, FKA telah menetapkan penunjuk prestasi (PI) Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) mengikut kekuatan yang telah difokuskan iaitu Akreditasi oleh *Engineering Accreditation Council* (EAC) (**BUKTI 1: JADUAL ITEM PENGUKURAN DAN AKREDITASI EAC**), Ketampakan Pensyarah (**BUKTI 2: KETAMPAKAN PENSYARAH** dan **BUKTI 3: KETAMPAKAN PENSYARAH**) dan Pencapaian Pelajar (**BUKTI 4: PENCAPAIAN PELAJAR**). Oleh itu, jenis pengukuran pencapaian yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga kekuatan tumpuan tersebut adalah data dan maklumat dari unit pengurusan utama fakulti seperti HEA, HEP, PJI dan Unit Kualiti (**BUKTI 5: DATA PENILAIAN DAN ESI IDART**).

Selain itu juga, penekanan terhadap penghayatan nilai murni UiTM iaitu Excellence (E), Synergy (S), dan Integrity (I) selain daripada lima (5) nilai berkaitan individu iaitu Ilmu (I), Disiplin (D), Amanah (A), Rajin (R), dan Tanggungjawab (T) (**BUKTI 5: DATA PENILAIAN DAN ESI IDART**) ke atas bidang tumpuan P&P sangat dititikberatkan dalam mewujudkan budaya kerja kelas pertama.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 JADUAL ITEM PENGUKURAN DAN AKREDITASI EAC.pdf](#)
2. [BUKTI 2 KETAMPAKAN PENSYARAH.pdf](#)
3. [BUKTI 3 KETAMPAKAN PENSYARAH.pdf](#)
4. [BUKTI 4 PENCAPAIAN PELAJAR.pdf](#)
5. [BUKTI 5 DATA PENILAIAN DAN ESI IDART.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setiap data perancangan dan pencapaian yang berkaitan P&P adalah amat penting untuk direkod dan disimpan bagi mengukur pencapaian bagi tujuan penambahbaikan. Bagi ketiga-tiga kekuatan bidang tumpuan ini iaitu Akreditasi EAC, Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar, jenis-jenis data penilaian dan kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa adalah seperti yang dipaparkan pada bahagian **4.2** dalam **Jadual 4.1**.

Menerusi data yang direkod, pemetaan dapat dibuat menunjukkan ketampakan UiTM terutama dalam bidang khusus kejuruteraan awam bagi staf FKA bukan hanya **perlaksanaan dan pencapaian keseluruhan UiTM** malahan ke seluruh dunia seperti dalam **Rajah 4.1 (BUKTI 1: ITEM PENGUKURAN PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN P&P)**. Manakala, perincian bagi ketiga-tiga kekuatan bidang tumpuan boleh dirujuk di dalam **BUKTI 2-5** seperti di dalam lampiran:

- i) Akreditasi EAC (**BUKTI 2: AKREDITASI EAC**)
- ii) Ketampakan Pensyarah (**BUKTI 3: KETAMPAKAN PENSYARAH** dan **BUKTI 4: KETAMPAKAN PENSYARAH**)
- iii) Pencapaian Pelajar (**BUKTI 5: PENCAPAIAN PELAJAR**)

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 ITEM PENGUKURAN PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN P&P.pdf](#)
2. [BUKTI 2 AKREDITASI EAC.pdf](#)
3. [BUKTI 3 KETAMPAKAN PENSYARAH.pdf](#)
4. [BUKTI 4 KETAMPAKAN PENSYARAH.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PENCAPAIAN PELAJAR.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil penganalisaan data yang dikumpul serta **hasil pemantauan amat diperlukan bagi tujuan penambahbaikan serta digunakan untuk tujuan kajisemula pengurusan**. Hasil setiap kekuatan bagi bidang tumpuan ini dibentangkan dan dibincangkan di peringkat kepimpinan kanan FKA melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**BUKTI 1: MINIT MESYUARAT MKSP**), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) dan Mesyuarat Kewangan & Perolehan (**BUKTI 2: MINIT KEWANGAN**). Selain itu, hasil analisa juga diwar-warkan kepada seluruh warga FKA melalui Mesyuarat Pusat Pengajian dan Mesyuarat & Amanat Bersama Dekan. Di dalam mesyuarat ini, segala aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2020 dianalisa bagi mengukur pencapaian sasaran berdasarkan penunjuk prestasi (PI) (**BUKTI 3: PETUNJUK PRESTASI**). Analisa data ini juga akan digunakan untuk penambahbaikan melalui medium pelaporan CQI-Log PDCA (**BUKTI 4: LOG PDCA**). Perkongsian maklumat bersama semua pemegang teras perancangan strategik dan warga fakulti ini membantu menyemak semula pencapaian bidang tumpuan P&P. (**BUKTI 5: PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA**) menunjukkan proses penggunaan hasil analisa data untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan. Manakala, (**BUKTI 1: MINIT MESYUARAT MKSP**) merupakan minit mesyuarat MKSP yang membincangkan hal ehwal fakulti merangkumi pengurusan utama fakulti seperti HEA, HEP, PJI dan Unit Kualiti.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
2. [BUKTI 2 MINIT KEWANGAN.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PETUNJUK PRESTASI.pdf](#)
4. [BUKTI 4 LOG PDCA.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti di peringkat pertama iaitu Pengukuran dan Penilaian (**BUKTI 1: PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA**) melalui Analisis Data. Hasil daripada penganalisan data, setiap kekuatan, kelemahan, jurang serta risiko bagi bidang tumpuan P&P dapat dikenalpasti seterusnya **merancang tindakan pencegahan serta melaksanakan penambahbaikan dan pembedahan**. Analisa data ini juga akan digunakan untuk penambahbaikan melalui medium pelaporan CQI-Log PDCA (**BUKTI 2: LOG PDCA**). Selain itu juga, perkongsian maklumat bersama semua pemegang teras perancangan strategik dan warga fakulti ini membantu menyemak semula pencapaian bidang tumpuan P&P melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**BUKTI 3: MINIT MESYUARAT MKSP**), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) (**BUKTI 4: MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK FAKULTI**), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) (**BUKTI 5: MINIT MESYUARAT KUMPULAN WANG PENGURUSAN (KERAIAN PELAJAR)**) dan Mesyuarat Kewangan & Perolehan.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 LOG PDCA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
4. [BUKTI 4 MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK FAKULTI.pdf](#)
5. [BUKTI 5 MINIT MESYUARAT KUMPULAN WANG PENGURUSAN \(KERAIAN PELAJAR\).pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisan data bagi bidang tumpuan P&P yang mana setiap kekuatan, kelemahan, jurang serta risiko telah dikenalpasti, tindakan pencegahan dan penambahbaikan perlulah dilaksanakan (**BUKTI 1: PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA**). Antara pelaksanaan pihak fakulti dalam menambahbaik bidang tumpuan setelah analisa data dibuat ialah menggunakan medium pelaporan CQI-Log PDCA (**BUKTI 2: LOG PDCA**). Di samping itu juga, setiap **tindakan hasil penganalisan sepanjang tahun 2019 dan 2020 yang diambil dikongsi kepada warga jabatan dan fakulti** melalui Mesyuarat Pusat Pengajian dan Mesyuarat & Amanat Bersama Dekan serta dibentangkan di peringkat kepimpinan kanan FKA melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**BUKTI 3: MINIT MESYUARAT MKSP**), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) (**BUKTI 4: MINIT MESYUARAT KERAIAN PELAJAR**) dan Mesyuarat Kewangan & Perolehan. Analisa data bagi mengukur pencapaian sasaran bidang tumpuan P&P adalah berdasarkan penunjuk prestasi (PI) (**BUKTI 5: PETUNJUK PRESTASI**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PROSES PENGGUNAAN HASIL ANALISA DATA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 LOG PDCA.pdf](#)
3. [BUKTI 3 MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
4. [BUKTI 4 MINIT MESYUARAT KERAIAN PELAJAR.pdf](#)
5. [BUKTI 5 PETUNJUK PRESTASI.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan berterusan, perancangan semula serta inovasi yang memberi impak positif khususnya di peringkat jabatan dan fakulti seterusnya **ke peringkat nasional (Malaysia) dan antarabangsa** hasil dari analisis data terutamanya bagi tiga kekuatan bidang tumpuan P&P iaitu Akreditasi EAC, Ketampakan Pensyarah dan Pencapaian Pelajar. Perkongsian maklumat bagi tujuan semakan semula pencapaian bidang tumpuan berdasarkan penunjuk prestasi (PI) dijalankan bersama semua pemegang teras perancangan strategik serta seluruh warga fakulti (**BUKTI 1: PROSES HASIL ANALISA DATA DAN RUBRIK PENILAIAN**).

Hasil daripada penganalisan data, beberapa inovasi dalam bentuk sistem pengurusan dan juga operasi telah berjaya diwujudkan oleh warga fakulti. Sistem pengurusan dan operasi ini mampu memudahkan urusan pengumpulan data dan aktiviti pensyarah serta pelajar bagi bidang tumpuan P&P ini, terutamanya sepanjang pandemik COVID19 yang telah melanda negara Malaysia pada tahun 2020 sehingga sekarang. Antara inovasi yang telah berjaya dibangunkan ialah:

- i. Rubrik penilaian bagi Final Year Project (FYP), Integrated Design Project (IDP) dan Latihan Industri (LI) (**BUKTI 1: PROSES HASIL ANALISA DATA DAN RUBRIK PENILAIAN**).
- ii. MyCOPO - Sistem bagi memenuhi kriteria penilaian akreditasi EAC (**BUKTI 2: MyCOPO**).
- iii. e-Course File – Fail kursus bagi setiap subjek bertujuan memantau pelaksanaan P&P setiap pensyarah FKA memenuhi kriteria akreditasi EAC, yang dijalankan secara atas talian (**BUKTI 3: e-COURSE FILE**).
- iv. ePOH – E-Pelaporan setiap aktiviti warga FKA. Sistem ePOH yang dibangunkan ini telah berjaya menjadi Juara di dalam Simposium Kecemerlangan Operasi 2020 serta mendapat penghargaan dari InQKA kerana FKA menjadi penyumbang berita dan acara paling aktif untuk UiTM News Hub (**BUKTI 4: ePOH**).
- v. eFYP – Sistem pengurusan bagi Final Year Project (FYP) secara atas talian memudahkan pensyarah serta pelajar bagi urusan berkaitan FYP. Sistem eFYP telah berjaya mendapat Silver Award di dalam pertandingan inovasi pada tahun 2020 (iidex2020) (**BUKTI 5: eFYP**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PROSES HASIL ANALISA DATA DAN RUBRIK PENILAIAN.pdf](#)
2. [BUKTI 2 MyCOPO.pdf](#)
3. [BUKTI 3 e-COURSE FILE.pdf](#)
4. [BUKTI 4 ePOH.pdf](#)
5. [BUKTI 5 eFYP.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kekuataan utama FKA UiTM Shah Alam dalam teras P&P dijana menerusi pengetahuan dan kompetensi sumber manusia, iaitu para pensyarah dan dibantu oleh staf sokongan FKA UiTM Shah Alam, dalam menyediakan kurikulum terkehadapan, mengendalikan P&P yang berkesan, menjalankan penyelidikan dan perundingan terkini dan relevan dengan keperluan pasaran serta bertaraf antarabangsa, penulisan dan penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi, mempunyai jaringan industri didalam dan luar negara serta melaksanakan program khidmat masyarakat.

Dalam usaha menjadi sebuah fakulti pengembangan ilmu yang terkemuka di Malaysia dan peringkat global, FKA UiTM Shah Alam amat menitikberatkan penglibatan keseluruhan warganya dalam mengamalkan budaya kerja yang berlandaskan visi dan misi UiTM dan perancangan strategik FKA UiTM Shah Alam (2016-2020). Peranan dan tanggungjawab setiap pensyarah digariskan dalam Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dan Amanah Tugas Syarahan (ATS) mengikut trek pilihan samada 'Penyelidikan' atau 'Pengajaran dan Pembelajaran'. Kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran diperuntukkan dengan beban pengajaran tertentu. FKA memberi galakan sepenuhnya kepada staf akademik untuk memberi tumpuan kepada bidang kepakaran masing-masing. Pelbagai aktiviti dan kemudahan disediakan bagi meningkatkan kemampuan dan kesediaan pensyarah untuk melaksanakan P&P dengan cara yang lebih berkesan seperti memberi latihan yang berterusan, kemudahan sokongan dan komponen ekosistem lain seperti infrastruktur, alat bantuan mengajar yang bersesuaian dan kemudahan kewangan.

Kakitangan sokongan (pentadbiran/makmal), selain daripada melancarkan operasi universiti, mereka juga memainkan peranan yang sangat penting dalam program akademik antaranya ialah memastikan tempat P&P adalah kondusif dan bersesuaian dengan situasi P&P yang dijalankan, pembangunan staf akademik, aktiviti-aktiviti akademik dan sebagainya. Penglibatan tenaga kerja dari keseluruhan warga FKA dalam mengamalkan tadbir urus yang berkualiti, efektif dan berkesan merupakan salah satu perkara yang diberi perhatian oleh FKA UiTM Shah Alam.

Untuk memastikan pelaksanaan budaya kualiti yang efisien di FKA, sistem penilaian dan pemantauan dipertingkatkan sesuai dengan **standard Jaminan Kualiti** yang telah ditetapkan. Justeru itu, sepanjang tahun 2019-2020, FKA UiTM Shah Alam **telah berjaya menjalankan semua aktiviti yang dirancang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan yang ditetapkan oleh pihak universiti**. Selain itu, banyak pencapaian yang telah diperolehi oleh para pensyarah FKA UiTM Shah Alam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di dalam bahagian kriteria 5 ini, **perancangan operasi bagi pengurusan sumber manusia** akan diterangkan secara menyeluruh seperti penerangan tentang beberapa **amalan yang di aplikasikan di FKA bagi memantapkan warganya**. Amalan tersebut juga disesuaikan dengan keadaan semasa pandemik Covid-19. Amalan ini termasuk **bentuk-bentuk galakan berupa insentif dan kaedah pemantauan yang di laksanakan ke atas sumber manusia utama iaitu pensyarah**. Beberapa risiko yang telah dikenalpasti dan cara mengatasinya juga diterangkan secara terperinci terutama risiko ke atas sumber manusia yang menggerakkan P&P semasa pandemic Covid-19.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Untuk menjayakan perancangan strategi bagi teras P&P, penglibatan seluruh warga FKA amat dititik beratkan bagi memastikan sasaran tercapai berpandukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Kaedah pengurusan sumber manusia yang digunapakai bagi menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam pencapaian akademik adalah tertakluk kepada **kekuatan/keupayaan dan kapasiti sumber manusia khususnya pensyarah dan pihak pentadbir amnya** (rujuk **BUKTI 1: SENARAI STAF DAN KELAYAKAN**).

Perancangan strategik yang dirangka bagi teras P&P tertumpu kepada **penambahbaikan kurikulum FKA yang sentiasa relevan dengan keperluan pasaran** yang diiktiraf serta bertaraf antarabangsa. Selain itu, kaedah dan kualiti pengajaran tenaga pengajar juga merupakan tumpuan utama bagi **memastikan proses P&P dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan**. Kemudahan sokongan dan komponen ekosistem seperti infrastruktur, dan kewangan turut diberi tumpuan bagi meningkatkan mutu kepakaran sumber manusia.

Bagi memastikan pensyarah FKA adalah yang berkualiti dan berintegriti, FKA mempraktikkan sistem **“coaching and mentoring” diawal perkhidmatan**. Prestasi dan maklumbalas pelajar terhadap kualiti staf akademik dinilai melalui MyATP, PRO-PENS dan SuFO. Penilaian ini bertujuan memantau prestasi pensyarah dalam menjalankan kaedah P&P yang terkehadapan, berkesan dan terkini.

Bagi mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam menjayakan bidang tumpuan, beberapa pendekatan telah diambil. Antaranya adalah pensyarah **diberi peruntukan Biasiswa Kakitangan untuk melanjutkan pengajian diperingkat PhD, Cuti Sabatikal, Latihan Profesional, Biasiswa Skim Pensyarah Muda, Cuti Belajar dengan Gaji Penuh, Kenaikan Pangkat dan Kenaikan Gaji**. Selain itu, pensyarah di FKA telah diberi **pelbagai latihan dalam tempoh jangka masa panjang, pendek atau sekali “one-off” bagi memastikan pensyarah lebih peka dalam mengendalikan P&P** mengikut kepakaran bidang masing-masing. Pensyarah FKA juga digalakkan untuk meningkatkan status profesional dan kepakaran masing-masing dengan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti seperti persidangan antarabangsa, bengkel, seminar dan industri (rujuk **BUKTI 2: SENARAI LATIHAN**). Aktiviti ini juga membantu pensyarah FKA dalam memantapkan kurikulum FKA yang dapat memenuhi kehendak pasaran industri dan diiktiraf.

FKA juga mengambil pendekatan dinamik dalam pengurusan sumber manusia dengan **melaksanakan bengkel dan seminar dalaman difakulti bagi membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang** yang merangkumi staf yang berpengetahuan, cekap, beretika dan bertaraf dunia. Ceramah dan bengkel dalaman ini di sampaikan oleh pensyarah FKA yang pakar dalam bidang berkaitan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi ketampakan pensyarah FKA ke peringkat luar dan UiTM sendiri. FKA juga **menggalakkan semua staf akademik/pentadbiran untuk menghadiri kursus-kursus yang sesuai dengan bidang kerja yang dianjurkan oleh pihak ILD UiTM dan agensi luar sekiranya perlu bagi membantu dalam usaha mencapai 42 jam latihan** setahun bagi setiap individu dengan nisbah jam 15:15:12 bagi kompetensi umum, khusus dan Information and Communication Technology (ICT) (rujuk **BUKTI 2: SENARAI LATIHAN**).

Bagi meningkatkan motivasi warga FKA dalam **merancang pembangunan kerjaya, menggilap kemahiran kepimpinan, meningkatkan integriti dan mewujudkan budaya organisasi** yang cemerlang serta mengekalkan tenaga kerja yang menepati **kriteria iDART**, FKA juga memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada pencapaian sumber manusia. Antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada sumber manusia adalah seperti memberi insentif kepada prestasi kakitangan terbaik, **penerbitan Q1 dan Q2, projek perundingan teringgi**, fail kursus terbaik, sambutan hari lahir, persaraan, perpindahan, menziarahi staf yang tidak sihat serta memberi ucapan penghargaan melalui emel bagi setiap kejayaan yang dicapai.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 SENARAI STAF FAKULTI DAN KELAYAKAN .pdf](#)
2. [BUKTI 2 SENARAI LATIHAN STAF FAKULTI.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FKA telah menyusun struktur pengurusan Hal Ehwal Akademik (HEA) sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang dikhususkan yang terdiri daripada **TD (HEA), Penyelaras Program Pengajian dan Ketua Program Pengajian (KPP) bagi menjayakan aktiviti P&P**. Pensyarah yang mempunyai **pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengurusan akan dilantik untuk menggalas tanggungjawab dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pengurusan akademik** Bagi menjayakan bidang P&P, FKA mengoptimalkan kepakaran pensyarah dalam tugas akademik termasuk **penasihat pelajar, penilai latihan industri, penyeliaan projek tahun akhir pelajar, disertasi dan tesis sarjana dan penyeliaan PhD**. Pensyarah yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang akademik juga dilantik sebagai **“Resource Person” dan koordinator kursus** bagi memastikan kelancaran dalam P&P. Selain itu, pensyarah juga dilantik sebagai **pengerusi ahli jawatankuasa** yang diwujudkan bagi menggerakkan inisiatif strategik FKA (rujuk **BUKTI 1: JAWATANKUASA JAMINAN KUALITI**).

Melalui pengawasan Unit Penyelidikan dan Inovasi (P&I), pensyarah yang pakar dalam penyelidikan dilantik sebagai ahli penyelidik bagi menggerakkan kerja-kerja penyelidikan seperti mengadakan bengkel untuk menyediakan **kertas kerja bagi mendapatkan Geran Penyelidikan** (FRGS, PRGS, TRGS, RAGS, Dana e-Sains, Geran dalaman dan antarabangsa). Pada tahun 2019 sebanyak 52 geran telah berjaya diterima dengan nilai dana sebanyak RM 3.2juta. Manakala, pada tahun 2020 FKA telah berjaya menerima 48 geran penyelidikan dengan nilai dana kurang dari RM 1juta. **Penurunan ini disebabkan geran baru tidak boleh dipohon berikutan tiada dana dari kerajaan dan industri di musim penularan wabak Covid-19.** (rujuk **BUKTI 2: PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN**).

Pensyarah FKA yang mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh pihak industri **diberi sokongan sepenuhnya untuk menjalankan kerja-kerja perundingan**. Hasil dari inisiatif ini, FKA telah menerima **34 projek perundingan yang bernilai RM 1,680, 740.96 pada tahun 2019, dan RM 831 460.14 pada tahun 2020**. FKA merupakan salah satu fakulti di UiTM yang menjana pendapatan **tertinggi** dari kerja-kerja perundingan (rujuk **BUKTI 2: PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN**). FKA mempunyai ramai pakar rujuk diperingkat nasional dan antarabangsa, antaranya adalah Prof. Zakiah Ahmad (Dekan FKA), Prof. Azmi Ibrahim, Prof. Hamidah Mohd. Saman, Dr. Aruan Effendy Mohd. Ghazali, dan Dr. Marfiah Ab. Wahid.

Pensyarah FKA yang aktif dan mempunyai kerjasama dengan pihak industri dan universiti luar akan terlibat dalam mengadakan **kolaborasi diantara para penyelidik FKA dengan pihak industri dan universiti dalam dan luar negara** (rujuk **BUKTI 3: SENARAI MoU/MoA**). Penglibatan pensyarah FKA didalam penyelidikan dan perundingan telah membantu pensyarah menghasilkan **penerbitan berimpak tinggi**. Ini terbukti, pada tahun **2019 dan 2020**, bilangan artikel yang telah diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi adalah sebanyak **211 dan 148** yang merangkumi penerbitan bersama industri, universiti luar dan dalam negara (rujuk **BUKTI 4: PENERBITAN**).

Kepakaran dan kebolehan pensyarah FKA tidak terhad diperingkat FKA sahaja malah telah berkembang diperingkat UiTM. Ini terbukti seramai 21 orang pensyarah telah dipinjamkan di lain-lain PTJ di UiTM dan dilantik sebagai panel penilai dalaman dan luaran (MQA, EAC dan ETAC). Ketampakan pensyarah FKA lebih terserlah apabila **Prof. Zakiah Ahmad, iaitu Dekan FKA, telah menerima Anugerah “Top Research Scientist Malaysia” Tahun 2019 daripada Akademi Sains Malaysia**. Sepanjang tahun 2019-2020, staf FKA telah menerima pelbagai anugerah dalam pelbagai bentuk (rujuk **BUKTI 5: KEPAKARAN DAN PENGIKTIRAFAN ANUGERAH**).

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 JAWATANKUASA JAMINAN KUALITI.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN.pdf](#)
3. [BUKTI 3 SENARAI MoU_MoA.pdf](#)
4. [BUKTI 4 PENERBITAN.pdf](#)
5. [BUKTI 5 KEPAKARAN DAN PENGIKTIRAFAN ANUGERAH.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan terhadap keperluan sumber manusia dilakukan dengan meneliti setiap aduan diterima. Di dalam memastikan beban maksimum staf akademik terhadap aktiviti P&P seimbang dengan aktiviti lain, seperti menjalankan penyelidikan dan perundingan, penulisan dan penerbitan, jaringan industri, tugas pentadbiran lain serta melaksanakan program khidmat masyarakat, FKA UiTM Shah Alam **telah menetapkan nisbah pensyarah dan pelajar adalah 1:20**. Nisbah ini selari dengan kehendak EAC (rujuk **BUKTI 1: MANUAL EAC**). Penggunaan **MyATP yang disediakan oleh UiTM digunapakai bagi membantu FKA memantau dan mengukur** penglibatan staf dalam memenuhi keperluan yang telah ditetapkan untuk Amanah Tugas Pensyarah (ATP), 39jam mengajar/seminggu. **Sistem pembentukkan jawantankuasa** telah ditubuhkan bagi **mengagihkan dan menyelaraskan beban pensyarah bersesuaian** mengikut keperluan dan kriteria bidang serta keperluan unit yang berkaitan.

Pemantauan berdasarkan maklumbalas staf FKA melalui **Happiness index UiTM** menunjukkan tahap kepuasan hati warga FKA terhadap persekitaran dan sistem kerja yang diberikan adalah berada di tahap yang baik (rujuk **BUKTI 2: FKA HAPPINESS INDEX 3.0**). Ianya juga jelas terbukti dengan **keberhasilan kerja yang cemerlang berdasarkan pencapaian dalam bidang inovasi, penyelidikan dan penerbitan**. Pencapaian yang diperolehi oleh para pensyarah di FKA merupakan salah satu batu pengukur untuk tahap kepuasan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja pada tahun 2019/2020 (rujuk **BUKTI 3: PENCAPAIAN STAF**).

Kepuasan tenaga kerja dikalangan pensyarah juga dapat dibukti melalui **maklumbalas graduan** juga menunjukkan tahap kepuasan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja adalah sangat memuaskan. Berdasarkan bancian SuFO rata-rata pensyarah mendapat markah lebih dari 85%. Selain itu, bancian PO yang telah dibuat oleh graduan, semua PO graduan melebihi 70% dan ini menunjukkan keberkesanan program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)(Awam) yang efektif dan kompetitif oleh graduan yang disampaikan oleh tenaga pengajar yang berkualiti dan inovatif (rujuk **BUKTI 4: MAKLUMBALAS PELAJAR**).

Pihak Pengurusan FKA **menggalakkan komunikasi terbuka dan memberi ruang kepada staf untuk melontarkan pandangan serta pendapat** bagi meningkat tahap kepuasan hati staf FKA. Sebagai contoh, JK Laman Web FKA telah menyediakan **borang aduan secara online (google form)** bagi menguruskan dan mengendalikan aduan dan maklum balas pelanggan berkaitan dengan data dan laman web rasmi FKA (rujuk **BUKTI 5: SISTEM ADUAN**). Tindakan diambil mengikut status peringkat kritikal sesuatu aduan sebagai langkah pengurusan yang efisien.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 MANUAL EAC.pdf](#)
2. [BUKTI 2 FKA HAPPINESS INDEX 3.0.pdf](#)
3. [BUKTI 3 PENCAPAIAN STAF.pdf](#)
4. [BUKTI 4 MAKLUMBALAS PELAJAR.pdf](#)
5. [BUKTI 5 SISTEM ADUAN.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FKA UiTM Shah Alam sentiasa bersedia menghadapi sebarang risiko bagi perkara yang melibatkan staf akademik secara khusus. Proses yang lengkap dan tindakan yang sewajarnya telah dilaksanakan bagi menangani dan menyelesaikan isu-isu yang dilaporkan. FKA UiTM Shah Alam mengambil pendekatan dinamik dalam pengurusan sumber manusia dengan mengenalpasti, menilai serta mengatur kepentingan risiko. Pengurusan risiko amat dititikberatkan kerana ia **melibatkan kos dan manfaat** (cost and benefit).

Sebagai langkah strategik dan pengawalan, pihak pengurusan FKA telah **menubuhkan satu Unit Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh Dr. Mazlina Zaira Mohamad** untuk mengawal selia pelbagai risiko terutama yang berkaitan dengan pembangunan staf akademik. Dari sudut amalan, semua risiko yang telah dikenal pasti oleh setiap ketua PTJ akan dibincangkan bersama-sama **Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko yang telah dilantik**. Isu-isu terkini pengurusan risiko yang **dilaporkan akan dibentangkan di peringkat MKSP** dan didaftarkan kepada Penyelaras Pengurusan Risiko FKA bagi mencegah dan mengawal risiko (rujuk **BUKTI 1: JADUAL DAFTAR RISIKO**). Langkah-langkah yang telah diambil ini **memberikan impak positif** terhadap pengurusan risiko di FKA dan sekaligus **melancarkan peringkat pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik** fakulti secara menyeluruh. FKA telah melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik menggunakan kaedah pemantauan secara berkala. Penilaian Impak Risiko dilaksanakan berdasarkan daftar risiko FKA (rujuk **BUKTI 2: PENGURUSAN RISIKO**).

Bagi tahun 2019 dan 2020, daftar risiko melibatkan pengurusan dan pembangunan staf akademik adalah seperti **keperluan pensyarah yang berdaftar dengan BEM sebagai Jurutera Profesional, bilangan pensyarah yang tidak mencukupi dan pensyarah yang melanjutkan pelajaran masih belum menamatkan pengajian**. Oleh itu, FKA telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dimana kesemua risiko ini telah **dikawal seperti menghantar pensyarah mengikuti program sangkutan industri selama setahun, melantik pensyarah Part Time Full Time (PTFT) bagi bidang yang berkeperluan dan pengambilan pensyarah tetap, dan mewajibkan kursus PhD On Time (POT) kepada pensyarah yang melanjutkan pengajian di peringkat PhD**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 JADUAL DAFTAR RISIKO.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENGURUSAN RISIKO.pdf](#)

5.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam usaha mentransformasikan FKA menjadi fakulti yang terbaik di UiTM dan diiktiraf diperingkat antarabangsa, pihak pengurusan FKA sentiasa memastikan kakitangannya dapat bekerja dalam persekitaran yang **selamat, sihat, kondusif dan produktif**. Oleh yang demikian, pengurusan FKA telah menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan sumber manusia seperti **bilik/ruang kerja yang selesa, telefon, komputer peribadi, pencetak, alat tulis dan peti-surat** Mereka yang memegang **jawatan pentadbiran dan Profesor dari kategori A diberikan kemudahan parkir dan talian telefon**. Bagi memudahkan program P&P dan membantu pensyarah dalam pengembangan idea penyelidikan, penambahbaikan ruang-ruang makmal, **Engineering Testing Centre (ETC), Postgraduate Centre (PGC), SMART Room (ruang peperiksaan), Virtual Resource Centre (VRC) dan Young Engineers Creative Centre (YECC)** telah dilakukan dan dimanfaatkan oleh warga FKA. Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah inisiatif dalam **RMK9**. Bagi melindungi kesihatan dan keselamatan warga FKA, papan **tanda keselamatan** diletakkan di lokasi kritikal terutamanya di makmal. Alat elektronik keselamatan dipasang di pintu masuk dan keluar utama pejabat pentadbiran dan semua bilik kakitangan. Lokasi yang dikelaskan berisiko tinggi dipantau oleh **Close Circuit TV (CCTV)**. Setiap makmal dilengkapi dengan **kotak pertolongan cemas** untuk sebarang kes kecemasan. **Manual pengguna dan prosedur standard** dan pengenalan bahaya untuk setiap ujian disediakan untuk memastikan pengendalian peralatan yang betul (rujuk **BUKTI 1: PERSEKITARAN KERJA**).

Bagi mewujudkan sistem kerja yang kondusif dan pengukuhan kerjasama antara staf, FKA mengamalkan **sistem pelapis dengan bimbingan** di peringkat awal perkhidmatan (rujuk **BUKTI 2: SISTEM KERJA**). Perkongsian ilmu amat digalakkan melalui sesi pembentangan atau e-bahan melalui e-mail oleh peserta/pembentang kertas kerja dari fakulti.

Sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan yang telus, adil dan berkualiti, setiap maklumbalas sumber manusia yang diberikan akan **dibentangkan dan dibincangkan dengan teliti** di peringkat pengurusan (MKSP) yang diadakan setiap enam (6) bulan sebelum sebarang tindakan dilaksanakan. Bagi memantau keberkesanan aktiviti, pihak fakulti telah menyediakan sistem **QR code untuk memudahkan staf dan pelajar FKA untuk memberi maklumbalas** berkaitan dengan aktiviti yang dihadiri. Pihak pengurusan FKA juga mewajibkan **ketua program menghantar laporan terperinci** bagi setiap aktiviti yang dijalankan melalui sistem e-POH. Bagi menyampaikan masalah yang berkaitan dengan permasalahan persekitaran tempat kerja/kelas dengan lebih mudah dan pantas, pihak fakulti juga menggalakkan penggunaan sistem "Borang (Online) Aduan Pelanggan".

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 PERSEKITARAN KERJA.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SISTEM KERJA.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Selaras dengan usaha UiTM, FKA UiTM Shah Alam sentiasa memberi perhatian terhadap penambahbaikan dan menghasilkan inovasi terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Usaha ini secara tidak langsung menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada seluruh warga FKA untuk menonjolkan kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri.

Bagi mendokong inisiatif Naib Canselor UiTM, FKA UiTM Shah Alam telah menghasilkan inovasi dengan membangunkan beberapa **sistem operasi akademik, media komunikasi antara pengurusan dan staf serta mengukur kompetensi**. Setiap inovasi yang terhasil dibangunkan oleh **staf akademik, sokongan ICT dan teknikal** (rujuk **BUKTI 1: INOVASI**). Secara keseluruhannya, inovasi ini telah memudahkan operasi dalam pengurusan FKA.

Kerberkesanan sistem yang digunakan ini terbukti dengan kejayaan yang diperolehi dari **“Operational Excellence Simposium 2020”**. FKA UiTM Shah Alam telah menjadi **‘Top 16 Finalis Kecemerlangan Operasi 2019’** dibawah kategori **Pengurusan Akademik** iaitu **Prosedur Pengurusan Markah dan Keputusan Peperiksaan Akhir, Prosedur Pengendalian dan Penilaian Projek Tahun Akhir Program Sarjana Muda dan Prosedur Promosi FKA**, UiTM Shah Alam juga telah memenangi **tempat pertama bagi operasi ‘FKA Prosedur e-POH’ dan tempat ketiga ‘FKA Prosedur My-COPO’** dibawah Kategori **Akademik**. Lebih membanggakan lagi, Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Shah Alam telah dinobatkan sebagai **Juara Keseluruhan Operational Excellence Simposium 2020** (rujuk **BUKTI 2: PENCAPAIAN SISTEM OPERASI**).

Selain itu, pada tahun 2020, FKA UiTM Shah Alam juga telah membangunkan sistem **e-JK** bagi memudahkan staf untuk **mengakses maklumat lantikan di FKA**. Sistem ini juga telah membantu pengurusan FKA dalam pembahagian jawatankuasa yang **sama rata yang melibatkan bilangan staf yang ramai**.

Bagi memantapkan nilai inovasi dalam bidang penyelidikan, pihak FKA telah membentuk 14 kumpulan **EK Tier 5** berdasarkan bidang kepakaran pensyarah untuk membudayakan aktiviti penyelidikan di kalangan para akademik (rujuk **BUKTI 3: EK Tier 5**). Dengan adanya platform EK tersebut, para **pensyarah senior dapat menjadi pembimbing dan penggerak budaya kerja penyelidikan** kepada para pensyarah yang baru. Keupayaan tenaga kerja juga dapat dipertingkatkan dan berdasarkan data, penyelidik FKA telah menghasilkan **Jurnal Q1&Q2 sebanyak 12 pada tahun 2020** iaitu suatu pencapaian yang boleh dibanggakan.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 INOVASI.pdf](#)
2. [BUKTI 2 PENCAPAIAN SISTEM OPERASI.pdf](#)
3. [BUKTI 3 EK Tier 5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada operasi berfungsi untuk memastikan **pengurusan sistem kerja** yang berkaitan dengan **pengurusan pentadbiran dan akademik mencapai objektif FKA**. Penentu pencapaian objektif FKA adalah berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah dirangka dalam Perancangan Strategik Fakulti untuk mencapai objektif kualiti FKA.

Setiap **inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang** dan dijalankan di FKA **sentiasa dipantau dan dikaji keberhasilannya** berlandaskan **konsep PDCA (Plan-Do-Check-Action)**. Ini adalah penting untuk memastikan *output* yang terbaik dapat dijana menerusi inisiatif yang telah dirancang. Setiap pensyarah telah didedahkan tentang **kepentingan untuk memantau prestasi setiap pelajar dan menilai semula** sebarang kelemahan yang mungkin wujud untuk pengajaran semester berkenaan. Kelemahan yang telah dikenalpasti tersebut akan diperbaiki supaya prestasi pelajar untuk semester akan dapat ditingkatkan lagi.

Dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), **Fasa Plan merujuk kepada perancangan yang dilakukan** untuk setiap perkara berkaitan P&P sebelum semester baru bermula. Sebagai contoh, pelaksanaan minggu Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan (PKSP) di mana para pensyarah akan berkumpul untuk sesi taklimat terkini mengenai hal akademik serta membuat perancangan bagi sepanjang semester mengikut bidang pengajian. Setelah semester bermula, **fasa Do bermula iaitu segala yang telah dirancang akan dilaksanakan**. Pembentukan pelbagai jawatankuasa menjadi tunjang pelaksanaan bagi semua perkara yang telah dirancang dengan teratur dan berkesan. Seterusnya **fasa Check menekankan kepentingan untuk menilai dan menyemak semula** perkara yang telah dilaksanakan sepanjang semester tersebut. Sebagai contoh, prestasi dan markah para pelajar dijadikan ukuran untuk penilaian tersebut menerusi pelbagai sistem dan instrumen audit yang ada di fakulti. Fasa terakhir iaitu **Action menekankan tentang proses tindakan penambahbaikan yang perlu diambil** setelah penilaian dilakukan. Sebarang kekurangan atau kelemahan yang telah dikenalpasti akan diberi perhatian yang sewajarnya agar tidak berulang lagi.

Contoh jelas dalam pengamalan konsep PDCA ini ialah menerusi **audit fail kursus** pensyarah yang dijalankan pada setiap semester. Para pensyarah perlu menilai keputusan pelajar secara kritis serta membuat penilaian yang sewajarnya. Hasil daripada penilaian tersebut akan dibincangkan di peringkat pengurusan Fakulti serta intervensi juga dilakukan sekiranya berkenaan dan perlu. Komitmen terhadap **konsep PDCA dan CQI** ini membantu dalam **meningkatkan mutu P&P di FKA** dan seterusnya menjadi tunjang **kekuatan FKA untuk akreditasi EAC yang baik, ketampakan pensyarah di pelbagai peringkat lokal dan global serta pencapaian pelajar yang cemerlang**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Menerusi perancangan yang telah direncana, beberapa pendekatan telah diambil untuk memastikan keberhasilan bidang tumpuan. **Penarafan akreditasi EAC program pengajian secara penuh (6 Tahun) tanpa interim** diperoleh dengan kekuatan pengurusan program itu sendiri. Ia dapat dilaksanakan menerusi **semakan kurikulum yang komprehensif secara berkala**. Keseluruhan **kurikulum program** yang direkabentuk adalah **setaraf dengan universiti lain** dan mengikut garis panduan daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia Qualification Agency (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia dan Engineering Accreditation Council. Ianya disemak setiap 5 tahun sekali dengan **mengambil kira pandangan daripada Penasihat Panel Industri, pemeriksa/penilai luar dan pensyarah**. Selain itu, pelaksanaan *Outcome Based Education* (OBE) adalah dipatuhi, terkini dan dipantau dengan baik menerusi instrumen pemantauan yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya.

Untuk mengukuhkan **ketampakan pensyarah FKA**, segala kejayaan dan hasil kecemerlangan yang diperolehi **diwarwarkan dengan baik**. Pendekatan yang digunakan untuk mencapai sasaran **ketampakan maksimum ialah melalui penggunaan sistem e-POH**. Carta alir untuk proses pengendalian system e-POH ini boleh dirujuk di **BUKTI 1: CARTA ALIR PENGENDALIAN SISTEM e-POH**. Sistem ini dibangunkan secara eksklusif oleh FKA **untuk memberi maklumat tentang pencapaian dan hasil kecemerlangan para pensyarah FKA** kepada bukan sahaja di dalam sistem UiTM, malah ke seluruh dunia melalui hebahan di media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter* dan lain-lain. Kemuncak kejayaan aplikasi sistem ini ialah apabila ianya **diterima pakai untuk penggunaan di peringkat UiTM** (rujuk **BUKTI 2: SESI PERKONGSIAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA UITM**) dan telah **memenangi tempat pertama** untuk **Kategori Prosedur Promosi dalam Simposium Kecemerlangan Operasi UITM 2020** (rujuk **BUKTI 3: JUARA KATEGORI PROSEDUR PROMOSI**).

Akhir sekali ialah pendekatan yang digunakan untuk **memastikan kesinambungan pencapaian dan inovasi pelajar**. Antara perkara yang dititikberatkan ialah **mengukur pencapaian pelajar supaya terus konsisten dan meningkat setiap tahun**. **Kebajikan pelajar dan pengurusan akademik mereka dibantu menerusi program Penasihat Akademik (PA)** di mana setiap pensyarah akan diberi seramai 20 org pelajar di bawah seliaan mereka. PA akan bertanggungjawab untuk memantau keadaan pelajar secara berkala (rujuk **BUKTI 4: SESI PERJUMPAAN PELAJAR DAN PA**) dan memberi nasihat serta panduan dalam hal berkaitan akademik. **Pencapaian pelajar yang diselia sepanjang pengajian mereka akan dipantau sepenuhnya** supaya segala isu dan permasalahan yang mungkin boleh mengganggu konsentrasi pelajar dapat dielakkan terutama sekali dalam menghadapi cabaran Pandemik Covid 19

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 CARTA ALIR PENGENDALIAN SISTEM E-POH.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SESI PERKONGSIAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA UITM.pdf](#)
3. [BUKTI 3 JUARA KATEGORI PROSEDUR PROMOSI.pdf](#)
4. [BUKTI 4 SESI PERJUMPAAN PELAJAR DAN PA.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan **pelaksanaan perancangan yang berkesan** di dalam sistem pembelajaran FKA, beberapa **jawatankuasa penting telah diwujudkan**. Kepelbagaian jawatankuasa yang dianggotai oleh staf pentadbiran dan juga akademik ini bertujuan untuk **memperluas segala perancangan Fakulti** dengan lancar menerusi inisiatif spesifik mengikut bidang kuasa masing-masing. Antara **kaedah perluasan yang diterapkan** untuk P&P ialah melalui **pengukuhan kualiti soalan peperiksaan** menerusi penambahan elemen **Complex Problems** semasa penyediaan kertas soalan peperiksaan. **Complex Problems** merupakan penyediaan pelbagai set soalan yang menjurus kepada **kemampuan para pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif** dalam menyelesaikan masalah berkaitan kejuruteraan. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) telah memutuskan bahawa **soalan peperiksaan akhir** untuk semester 7-8 sahaja (tahun akhir) perlu **mengandungi soalan berbentuk complex problems** mengikut peratusan dan amalan *vetting* seperti yang diamalkan sebelum ini (**Rujuk BUKTI 1: BORANG PENILAIAN COMPLEX PROBLEMS**). **Complex Problems** juga perlu **disediakan didalam tugas/projek/aktiviti** bagi kursus-kursus semester 1-6 (juga kursus semester 7-8 yang berkenaan) dengan kriteria yang tertentu.

Smart Learning FKA merupakan satu lagi **inisiatif pengukuhan pembelajaran atas talian**. Selari dengan aspirasi Universiti yang ingin memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam aplikasi akademik, pembelajaran atas talian ini juga merupakan usaha yang dapat **mengukuhkan lagi kefahaman para pelajar dengan lebih pantas terutama sekali dalam tempoh pandemik Covid 19**. Menerusi inisiatif ini, dua projek spesifik telah dirangka dan dijalankan di FKA iaitu *MOOCTIFY* dan *Jom Blended*.

MOOCTIFY adalah konsep pembelajaran atas talian yang lebih komprehensif dan terbuka untuk semua. Kandungan pembelajaran dimuatnaik di laman yang telah disediakan berserta latihan dan video pengajaran yang bersesuaian (**Rujuk BUKTI 2: SENARAI KURSUS MOOC FKA**). Pelajar dan pensyarah boleh **berinteraksi serta berbincang mengenai kursus dan topik yang ditawarkan secara atas talian**. Selain itu, ia juga mampu untuk menarik minat bakal pelajar untuk mendaftar dan melanjutkan pengajian sarjana muda di FKA.

Manakala projek **Jom Blended** pula memberi fokus kepada penggunaan laman aplikasi **I-Learn UiTM** atau **UFUTURE** dalam pengajaran. Pensyarah mempunyai ruang yang lebih baik untuk mengukuhkan pengajaran di luar waktu kelas menerusi pembangunan *Online Quiz*, *Assignments* dan *Forum Discussion*. Hasil maklum balas daripada pelajar, beberapa **anugerah akan diberikan kepada pensyarah yang aktif** menggunakan *blended learning* dan *MOOC* dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 BORANG PENILAIAN COMPLEX PROBLEMS.pdf](#)
2. [BUKTI 2 SENARAI KURSUS MOOC FKA.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan segala perancangan yang dibuat akan memberikan impak positif, pemantauan yang komprehensif telah dilaksanakan di FKA. Secara asasnya, **Ketua Pusat Pengajian (KPP)** bagi setiap bidang (Struktur dan Bahan, Geoteknik dan Jalanraya, Sumber Air dan Alam Sekitar, Pengurusan Projek) **akan memantau perjalanan perancangan yang dilaksanakan** di bawah bidang pengajian masing-masing. Seterusnya **KPP akan membuat laporan kepada pihak pengurusan Fakulti** mengenai perkembangan dan pelaksanaan P&P bidang masing-masing menerusi mesyuarat yang diadakan setiap bulan.

Dari sudut inisiatif, pemantauan bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran menerusi **program PROPENS merupakan salah satu agenda universiti yang turut dilaksanakan secara komited di FKA**. Para pensyarah dipantau dari segi penampilan serta perwatakan semasa menyampaikan kuliah di kelas. **Penilaian** ke atas pengajaran mereka adalah berdasarkan **3 kriteria utama** seperti dari segi pelaksanaan, perancangan dan profesionalisme. **Carta alir proses pengendalian PROPENS** dilampirkan di **BUKTI 1: CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN PROPENS**. Komponen-komponen seperti perancangan dan profesionalisme masing-masing hanya memberikan purata skor kepada pensyarah-pensyarah ini sebanyak 15% dan 25% berbanding kualiti pensyarah-pensyarah dalam pelaksanaan P&P. Dari segi **pelaksanaan, pensyarah-pensyarah ini telah dinilai secara terperinci dalam aspek kemahiran pembentangan atau penyampaian** (purata skornya adalah 50%), penyusunan struktur bahan-bahan atau kandungan pembelajaran (30%) dan kebolehan berinteraksi dengan para pelajar (30%). **Ukuran prestasi PROPENS ini adalah memuaskan** iaitu di antara **70% dan 79%, baik (80% dan 89%)** manakala jumlah skor di antara 90% dan 100% menandakan prestasi yang sangat baik atau cemerlang.

Penyampaian yang baik dan konsisten sepanjang semester berjalan telah **membantu para pelajar mendapat input** yang lebih komprehensif dan berkesan. Secara tidak langsung, **kefahaman yang baik** di dalam kelas dapat **diterjemahkan kepada keputusan para pelajar yang memberangsangkan** selari dengan matlamat akreditasi EAC.

Selain itu, **pemantauan terhadap keberkesanan perancangan P&P** di FKA juga dilakukan menerusi **program pengukuhan asas Kejuruteraan Awam (ASAH) (Rujuk BUKTI 2: CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN ASAH)**. Inisiatif ini **menekankan pengukuhan ilmu asas kejuruteraan awam** melalui siri syarahan berkala yang dilaksanakan di fakulti. Siri syarahan ini **dikendalikan oleh pensyarah senior** yang mempunyai lebih pengalaman dalam bidang tersendiri untuk memberi input dan latihan kepada para pensyarah lain. Hasil daripada pelaksanaan program ini, para pensyarah telah **dapat mengukuhkan kefahaman** tentang sesebuah subjek dan membuat persiapan yang rapi sebelum semester bermula.

SENARAI BUKTI:

1. [BUKTI 1 CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN PROPENS.pdf](#)
2. [BUKTI 2 CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN ASAH.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan elemen yang sangat penting untuk **mengenalpasti isu negatif yang boleh berlaku** dan merencanakan perancangan P&P di fakulti. FKA telah menubuhkan **jawatankuasa pengurusan risiko fakulti** di mana antara skop tugasnya ialah **menyelesaikan isu berbangkit tentang keselamatan, kesihatan dan persekitaran di fakulti**. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pensyarah fakulti, pembantu makmal dan juga juruteknik. Kepelbagaian profesion di dalam jawatankuasa ini dapat melancarkan koordinasi dan pengurusan risiko di FKA.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, segala **masalah dan isu berbangkit** melibatkan proses P&P di fakulti akan **dikenalpasti dan diambil tindakan susulan**. Sebagai contoh, siling asbestos di bilik kuliah yang telah usang dan jika terjatuh boleh memudaratkan pelajar dan pensyarah yang mengajar di dalam kelas tersebut. Justeru, **laporan dibuat dan dimasukkan dalam daftar risiko fakulti** dan tindakan susulan akan dibuat oleh pihak Fasiliti UiTM. Sebarang isu yang timbul dan boleh menggugat perjalanan P&P di Fakulti akan dapat diatasi dengan berkesan. Contoh senarai daftar risiko di FKA dilampirkan di **BUKTI 1: SENARAI DAFTAR RISIKO FKA 2019**.

Selain itu, **hubung kait di antara pengurusan risiko dan operasi** boleh diterjemahkan ke dalam **set matriks bagi menilai sesuatu isu berkaitan risiko di FKA**. Dengan menggunakan skala impak risiko bermula dari 1 (Tiada Kesan) hingga 5 (Sangat Besar), **tahap sesebuah risiko itu dapat dianalisa dengan lebih teliti dan tindakan susulan yang tepat dan berkesan dapat diambil** dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jadual impak risiko untuk FKA di lampirkan di **BUKTI 2: JADUAL IMPAK RISIKO**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 SENARAI DAFTAR RISIKO FKA 2019.pdf](#)
2. [BUKTI 2 JADUAL IMPAK RISIKO.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi menilai semula tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk memastikan kelestarian P&P di FKA, jawatankuasa audit dalam telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyediakan garis panduan dalam melakukan perancangan dan kaedah pelaksanaan audit dalam, serta tatacara pelaporan hasil dapatan Audit Dalam bagi mematuhi Sistem Pengurusan kualiti Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA). Dalam konteks P&P di FKA, audit yang dilaksanakan adalah melibatkan fail kursus pensyarah. Fail kursus merupakan dokumentasi penting tentang proses pengajaran oleh pensyarah dan pembelajaran oleh pelajar di semester tersebut. Ia mengandungi bahan pengajaran seperti silibus kursus, nota kursus, kehadiran pelajar, soalan peperiksaan dan bahan pengajaran lain yang relevan. Carta alir bagi proses pengendalian audit fail kursus di FKA dilampirkan di **BUKTI 1: CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN AUDIT FAIL KURSUS**.

Audit ini akan memeriksa beberapa kriteria penting yang melibatkan P&P kursus tersebut. Penilaian akan dibuat oleh auditor dalaman yang dilantik dan **markah akan diberikan mengikut kepatuhan kepada kriteria yang ditetapkan (rujuk BUKTI 2: BORANG PENILAIAN AUDIT FAIL KURSUS)**. Hasil penemuan dari audit ini akan memastikan kaedah dan proses pelaksanaan P&P yang dirancang di fakulti dapat dijalankan dengan **seragam dan konsisten**. Bagi sebarang ketidakpatuhan, langkah penambahbaikan akan dicadangkan (Continual Quality Improvement (CQI)) dan didokumentasikan untuk tindakan selanjutnya oleh pensyarah berkenaan (rujuk **BUKTI 3: CONTOH LAPORAN CQI FAIL KURSUS**).

Selain itu, terdapat juga **audit makmal bagi memastikan peralatan dan kelengkapan sentiasa berada dalam keadaan baik**. Kalibrasi peralatan secara berkala perlu dijalankan untuk mendapat bacaan pengukuran yang tepat. Pembelian bahan-bahan dan reagen untuk eksperimen perlu sentiasa dikemaskini supaya tidak berlaku gangguan untuk sebarang penggunaan. **Ketua Makmal akan bertanggungjawab menyelia staf makmal** supaya mereka dapat membantu memastikan keadaan semua makmal di fakulti dapat digunakan secara optimum oleh para pensyarah dan juga pelajar bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN AUDIT FAIL KURSUS.pdf](#)
2. [BUKTI 2 BORANG PENILAIAN AUDIT FAIL KURSUS.pdf](#)
3. [BUKTI 3 CONTOH LAPORAN CQI FAIL KURSUS.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi meneruskan kecemerlangan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran di FKA, **satu sistem telah dibangunkan untuk koordinasi dan integrasi maklumat pencapaian pelajar.** Sistem yang diberi nama **myCOPO** adalah satu bentuk **inovasi atas talian** yang dibangunkan oleh staf ICT FKA untuk **memudahkan mengukur pencapaian Hasil Program (PO) pelajar** secara individu dan mengikut kohort. Sistem ini turut **mendapat penghargaan dari UiTM** apabila memenangi tempat ketiga anugerah Prosedur Pengurusan Markah dan Keputusan Peperiksaan Akhir di Simposium Kecemerlangan Operasi UITM 2020 (rujuk **BUKTI 1: SISTEM MYCOPO MEMENANGI ANUGERAH UITM**).

Menerusi inisiatif ini, **analisa lengkap dapat dilakukan** oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dalam mengukur pencapaian Hasil Program pelajar dengan lebih mudah dan efektif serta telah terbukti berkesan untuk **memenuhi keperluan akreditasi EAC**. Pencapaian pelajar sejak mula mendaftar hingga graduasi dapat dinilai dan dipantau dengan sistematik. Carta alir untuk proses pengendalian sistem myCOPO dilampirkan di **BUKTI 2: CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN MYCOPO**.

SENARAI BUKTI :

1. [BUKTI 1 SISTEM MYCOPO MEMENANGI ANUGERAH UITM.pdf](#)
2. [BUKTI 2 CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN MYCOPO.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Utama 1 adalah penganugerahan Akreditasi Engineering Accreditation Council (EAC) dari BEM iaitu hasil dari Pelaksanaan Strategik

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Utama adalah penganugerahan **Akreditasi Engineering Accreditation Council (EAC)** dari BEM dan digariskan seperti berikut:

What? Keputusan akreditasi dari EAC dipilih untuk membuktikan hasil dari pendekatan dan pencapaian perancangan strategik ini yang merangkumi proses, objektif, teras dan inisiatif yang disusun dan dilaksanakan dalam konteks bidang tumpuan utama iaitu pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Why? Hasil dari akreditasi EAC ini dapat membuktikan tahap kualiti program dan graduan yang dihasilkan dari Fakulti Kejuruteraan Awam adalah bertauliah dan dipraktik.

Where? Program-program yang ditawarkan di FKA yang melalui proses akreditasi EAC telah ditanda aras dari peringkat UiTM, nasional dan seterusnya ke standard antarabangsa.

Who? Proses akreditasi EAC melibatkan pihak pengurusan, staf akademik, staf pentadbiran dan pelanggan sebagai pihak yang dinilai manakala pihak BEM adalah penilai.

When? Penganugerahan akreditasi selama 6 tahun penuh tanpa interim kepada Fakulti Kejuruteraan Awam bermula dari tahun 2019 sehingga tahun 2024.

How? Dengan penganugerahan akreditasi ini, FKA dapat meneruskan program (P&P) disamping pelbagai usaha penambahbaikan dilakukan dari segi kemahiran dan kelayakan pensyarah, fasiliti dan sistem sokongan lain bagi menjaga serta memastikan kualiti graduan program bertauliah ditingkatkan sehingga proses akreditasi akan datang.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 1_2_Level.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 1_3_Trend.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 1_4_Benchmark.pdf](#)

.....

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 1_5_Importance.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Utama 2 adalah ketampakan pensyarah iaitu hasil dari Tumpuan Sumber Manusia

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dari segi sumber manusia, FKA telah menggariskan beberapa pelan strategik untuk meningkatkan **pencapaian ketampakan pensyarah** sebagai satu nadi terpenting dalam memperolehi akreditasi dan melahirkan graduan yang diidamkan dan hasilnya adalah digariskan seperti berikut :

What? FKA sangat komited dalam memastikan prestasi serta ketampakan pensyarah tercapai. Pencapaian ini memberi impak kepada P&P apabila pensyarah berdaya saing di peringkat global. Bagi merealisasikan inisiatif ini, pihak pengurusan telah menggalakkan staf akademik untuk bergiat aktif dalam pembangunan pembelajaran imersif di pelbagai peringkat.

Why? Bagi mencapai objektif P&P yang berkesan, organisasi mestilah mempunyai kemampuan dan tenaga kerja yang kompeten dan sentiasa memberikan komitmen dan sumbangan yang tinggi dalam memantapkan pembelajaran. Tenaga kerja paling utama yang dimaksudkan ialah pensyarah.

Where? Ketampakan pensyarah sangat penting untuk menggambarkan peningkatan pembangunan profesionalisme pensyarah diperingkat dalam jabatan, dalam UiTM, dalam negara serta seterusnya diperingkat luar negara.

Who? Pensyarah adalah individu yang bertanggungjawab dalam menjalankan amanah tugas akademik dan selari dengan Pekeliling Akademik UiTM. Pensyarah mencerminkan siswazah yang terhasil dari FKA sekaligus membawa nama UiTM ke peringkat tinggi.

When? Antara hasil pengukuran yang dapat dibuktikan adalah melalui ketampakan pensyarah di peringkat dalam dan luar negara. Pensyarah memainkan peranan penting dari bermulanya proses pengambilan pelajar sehinggalah pelajar menamatkan pengajian. Ketampakan pensyarah ini sangat memberi kesan kepada proses P&P.

How? Dengan memiliki staf yang berwibawa, kepercayaan pihak industri/ luar terhadap FKA semakin menebal serta jalinan hubungan akan lebih memberi impak.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 2_2_Level.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 2_3_Trend.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 2_4_Benchmark.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 2_5_Importance.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Utama 3 adalah pencapaian pelajar iaitu hasil dari Tumpuan Pelanggan

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian Pelajar

What? Pelbagai pencapaian dapat dilihat dari aspek pelajar yang merupakan pelanggan utama dalam P&P. Ianya melibatkan peringkat dalam negara dan luar negara. Pencapaian ini merangkumi seawal peringkat pengambilan pelajar, sepanjang pengajian, pelajar selesai pengajian dan selepas tamat pengajian.

Why? Pencapaian pelajar ini dapat membuktikan pelaksanaan operasi dalam P&P memberi impak yang baik sekaligus menghasilkan graduan yang memiliki pelbagai kemahiran insaniah selain ilmu pelajaran. Dari pengalaman belajar di FKA, pelajar telah didedahkan kepada aspek budaya, ekonomi, politik, pendidikan dan ekologi dalam negara serta luar negara bagi mengembangkan pemikiran global dalam kemajuan dan kejayaan kerjaya di mana-mana persekitaran.

Where? Diperingkat antarabangsa, hasil dari program *Inbound* dan *Outbound* dilihat memberi impak yang besar kepada P&P di FKA selari dengan usaha perancangan strategik yang dilakukan. Program *Inbound* dan *Outbound* ini melibatkan mobiliti pelajar ke negara-negara di seluruh dunia, antaranya India, China dan Japan. Selain itu, program seperti STEM, Misi Akademik, Ekspo Selangkah UiTM 2020, Jom Masuk IPT, Program Jelajah Matrikulasi, dan Program Festival UiTM Perform 2020 telah mempromosikan program akademik yang ditawarkan.

Who? Seramai 75 pelajar dari FKA telah dihantar ke luar negara, dan pada masa yang sama 148 pelajar dari luar negara datang ke FKA, UiTM untuk program *Inbound* dan *outbound*. Misi Akademik mensasarkan pelajar lepasan diploma, manakala untuk calon lepasan SPM dan matrikulasi serta asasi dipromosikan melalui program-program Ekspo Selangkah UiTM 2020, Jom Masuk IPT, Program Jelajah Matrikulasi, dan Program Festival UiTM Perform 2020. Kesemua pelajar dari pelbagai latar belakang ini mencetuskan pelbagai pencapaian sepanjang pengajian mereka di FKA.

When? Kesemua program di FKA ini dilaksanakan hampir setiap tahun bagi memastikan pencapaian pelajar dicapai secara berterusan. Di peringkat awal pengajian, pelbagai program-program dilaksanakan bagi tujuan untuk menarik minat pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di FKA. Sepanjang P&P pula, pelajar terlibat dengan pelbagai aktiviti yang dirangka oleh fakulti termasuk program inovasi serta program bersama NGO luar serta industr.

How? Hasil keberkesanan pelaksanaan sistem P&P di FKA dapat dilihat melalui pencapaian pelajar di dalam peperiksaan akhir semester dan juga keputusan PO. Untuk program *Inbound* dan *outbound* pula, pengiktirafan dan kesetaraan akademik diberikan setelah program selesai. Keseluruhan pengalaman yang diperoleh mampu mengembangkan kemampuan dan bakat

pelajar diperingkat antarabangsa menjadikan pelajar mampu bersaing dan boleh bekerja di seluruh dunia serta mahir dalam populasi, budaya serta dalam pelbagai bidang.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 3_2_Level.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 3_3_Trend.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 3_4_Benchmark.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KRITERIA 7 - Hasil 3_5_Importance.pdf](#)